Selain itu, beliau juga menjadi konsultan kepada projek "Fish Biopellet" yang diusahakan oleh Kyosei Ptd dan beberapa syarikat menjalinkan kerjasama dalam pproyek penyelidikan beliau. Projek membangunkan industry roselle yang diusahakan oleh Dr. Siti Hamidah mendapat sokongan penuh Ahli Dewan Undangan Negeri Johor kawasan Nusajaya, Dr. Hj. Zaini Abu Bakar, yang melibatkan komuniti di Kangkar Pulai. Agensi-agensi kerjasama seperti PLATCOM, CRADLE Fund Sdn. Bhd. TERAJU dan KPW telah banyak membantu beliau mendapatkan dana komersialisasi di samping membuka pemasaran produk lebih meluas dalam dan luar negara.

Dengan penubuhan syarikat hiliran UTM, SHE Empire Sdn. Bhd. yang memasarkan prodek Natural Kiss, iaitu produk kosmetik, telah meningkatkan kerjasama beliau bersama industri. Produk yang lebih berkualiti dihasilkan bagi kegunaan semua ini adalah lebih selamat dan berasaskan bahan tempatan yang berkualiti tinggi. Beliau telah mendapat beberapa dana daripad pelbagai pihak untuk membangunkan perniagaan beliau. Antaranya ialah Facilitation Fund (MOSTI), CIP300 (CRADLE), dan Plan Perniagaan Bergerak (IRDA).

Beliau juga telah dijemput untuk memberikan perkongsian dan ceramah kerana kepakaran beliau dalam banyak bidang penyelidikan seperti di forum sempena program 'Tribute to Women Lifestyle Fest 2017', program UTMSpace dan Ekspo Johor Berkemajuan. Dr. Siti Hamidah telah mendapat pelbagai nasihat dan bimbingan daripada Biotech Corporation, IRDA, MARA, Royal Academy of Engineer (UK) dan Innovation Academy (Dublin, Ireland).

Sehingga kini beliau telah menerima 8 projek kerjasama berbayar yang bernilai RM646,00 manakala 5 nilai projek tidak berbayar sebanyak RM41,000.00 dan telah mempunyai 1 trademark. Beliau juga telah mencatat 15 kerjasama dalam negara dan 1 di luar negara dan bergiat aktif dalam badan profesional seperti Institute of Chemical Engineers dan Society of Education Engineering, Malaysia.

Anugerah Sukan
KEPIMPINAN SUKAN

Azri bin Hohad



En. Azri bin Hohad merupakan seorang Timbalan Pendaftar, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE). Beliau terlibat secara aktif dalam sukan Catur di peringkat UTM, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa. Beliau juga merupakan seorang Jurulatih dan Pengurus Pasukan Catur Lelaki dan Wanita UTM ke Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) dari tahun 2006 hingga kini, Beliau juga merupakan Naib Presiden Persatuan Orang Kurang Upaya (OKU) pada 2016 hingga kini, Naib Presiden Persatuan Catur Negeri Johor pada 2010 hingga kini, Pengarah Catur Sabtu pada 2012 hingga kini, Jawatankuasa Pelaksana Johor Chess Festival pada 2017, Jawatankuasa Johor Talend Chess Open pada 2017, Jawatankuasa Pelaksana Catur Hari Sukan Negara pada 2016 dan 2017, Venue Koordinator Sukan Catur di kejohanan Sukan Institusi Pengajian tinggi Malaysia (SUKIPT) pada 2016 dan Majlis Sukan Universiti Malaysia pada 2015, Jawatankuasa Pengelola Sukan Catur di Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) Johor pada 2013 dan Pengurus pasukan Pejabat Pendaftar Catur Lelaki dan Wanita pada 2013. Beliau juga menjadi pengadil di kejohanan-kejohanan tertutup dan terbuka di sekitar Johor. Selain itu beliau juga aktif dalam beberapa sukan lain seperti Run For Your Heart (penasihat Program), Golf, Ekuin dan beberapa sukan lain. Beliau juga Berjaya melahirkan atlit UTM sehingga 3 orang staf UTM berjaya mewakili Kejohanan MAKSAK Johor pada tahun 2017. Beliau juga berjaya menubuhkan Persatuan Catur Orang Kurang Upaya

(OKU) Negeri Johor pada tahun 2017 juga merupakan negeri pertama di Malaysia yang berjaya menubuhkan Persatuan OKU.

Di antara pencapaian-pencapaian yang telah diraih ialah:

1. Kejohanan SUKUM2017 – 2 emas, 2 perak, 1 Gangsa
2. UTM Staff Games 2017 – Emas Berpasukan
3. Kejohanan SUKUM2016 – 2 Emas, 2 Peral, 2 Gangsa
4. Kejohanan SUKUM2015 – Gangsa Berpasukan lelaki
5. Kejohanan SUKUM2014 – 2 Perak Berpasukan lelaki dan Wanita
6. UTM Staff Games 2013 – Emas Pasukan Lelaki, Emas Pasukan Wanita
7. UTM Staff Games 2013 – Gangsa (Perahu Panjang), Gangsa (Catur)
8. Kejohanan SUKUM2012 – Perak Berpasukan
9. UTM Staff Games 2012 – Gangsa Berpasukan
10. Sukan Antara Jabatan 2007 – Naib Johan
11. Sukan Antara Jabatan 2006 – Naib Johan
12. Bowling Institusi Pembangunan Felo UTM – Johan
13. Catur Tertutup UTM – Naib Johan

Di UTM Beliau juga terkenal sebagai staf dan pengurus yang mesra, peramah dan mudah diajak berbincang. Beliau dan pasukannya sentiasa berusaha gigih bagi memastikan prestasi pasukan Catur UTM dapat mengharumkan nama Universiti di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Anugerah Sukan

OLAHRAGAWAN

Ismail bin Osman



Ismail bin Osman merupakan seorang Pembantu Operasi Bahagian Kluster Perkhidmatan di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan). Beliau terlibat secara aktif dalam sukan Sepaktakraw di peringkat UTM dan Negeri. Beliau juga merupakan atlit Pasukan Sepaktakraw UTM. Beliau juga menyertai beberapa kejohanan sepanjang tahun 2017 iaitu kejohanan MAKSAK Malaysia 2017 mewakili Negeri Johor, Kejohanan Veteran Terbuka Takraw Utusan 2017, Kejohanan Veteran Terbuka PSM Kuala Lumpur 2017, Kejohanan Tertutup Yayasan MPJBT 2017, Kejohanan Sepaktakraw Tertutup Pasir Gudang 2017, Kejohanan Tertutup Sepaktakraw Pagoh 2017, Kejohanan Sepaktakraw Tertutup Veteran 2017, Kejohanan Sepaktakraw Anjuran Mahasiswa UTM 2017 dan Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2017.

Diantara pencapaian-pencapaian yang telah diraih ialah :

1. Kejohanan Veteran Terbuka Takraw Utusan 2017 – Johan
2. Kejohanan Sepaktakraw Tertutup Pasir Gudang 2017 - Johan
3. Kejohanan Tertutup Yayasan MPJBT 2017 - Johan
4. Kejohanan Tertutup Sepaktakraw Pagoh 2017 - Johan
5. Kejohanan Sepaktakraw Tertutup Veteran 2017 - Johan
6. Kejohanan Sepaktakraw Anjuran Mahasiswa UTM 2017 - Johan
7. Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2017 - Ketiga
8. kejohanan MAKSAK Malaysia 2017 - Suku Akhir
9. Kejohanan Veteran Terbuka PSM Kuala Lumpur 2017 – Suku Akhir

OLAHRAGAWATI

Shaliza Binti Md Yusos



Sharliza Binti Md Yusos merupakan seorang Pembantu Perpustakaan, Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Penyelidikan di Perpustakaan UTM. Beliau terlibat secara aktif dalam sukan Olahraga di peringkat UTM dan Negeri. Beliau juga Menyertai beberapa kejohanan sepanjang tahun 2017 iaitu Kejohanan Olahraga MAKSAK Johor 2017, Kejohanan Olahraga Perlis Indera Kayangan 2017, Kejohanan Sukan antara Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2017 dan UTM Staff Games 2017.

Diantara pencapaian-pencapaian yang telah diraih :

1. Kejohanan Sukum 2017 – 2 Emas dan 1 Perak
2. Kejohanan UTM Staff Games 2017–2 Emas
3. Kejohanan Olahraga Perlis Indera Kayangan – Ketiga
4. kejohanan MAKSAK Malaysia 2017

Anugerah Seni & Kreativiti

KATEGORI STAF AKADEMIK

Dr. Roshida binti Abdul Majid
Fakulti Alam Bina



Dr. Roshida binti Abdul Majid merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina dan berperanan sebagai Penyelaras Program Sarjana Muda Sains Senibina. Selain daripada tugas sebagai seorang pensyarah, beliau juga sangat aktif berkarya dalam bidang seni visual dan telah menerima banyak tempahan lukisan, terlibat dengan pameran dan jualan serta memenangi pertandingan di peringkat negeri dan kebangsaan. Diantara pencapaian yang terkini termasuklah Pameran lukisan kebangsaan 'Maharani,'2018 di MSuite Hotel, JB, tempahan lukisan cenderunghati

untuk Tuanku Permaisuri bagi majlis perasmian Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM, 2015, tempat ke-tiga Pertandingan Melukis Peringkat Kebangsaan 'Bangunan Bersejarah Johor' dan menjadi koleksi tetap pameran di Galeri Seni Johor sehingga kini, sumbangan karya kulit buku konvokesyen UTM ke 59, 2017 dan banyak lagi. Sebagai Penyelaras Tahun Satu Senibina (2010-2016) beliau juga bertanggungjawab merangka program Kursus Asas Senireka dengan mengetengahkan seni visual sebagai projek pertama untuk memantapkan kreativiti pelajar. Malah beliau turut aktif menyelaras aktiviti seni bagi semua pelajar Senibina UTM seperti penganjuran pertandingan, pameran dan bengkel seni visual yang turut disertai Tuanku Permaisuri Johor. Secara tidak langsung aktiviti ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar untuk menjana pendapatan serta pendedahan pelajar kepada konsep entrepreneurial and lifelong learning melalui aktiviti seni.



Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

FINALIS KATEGORI FAKULTI / BAHAGIAN / UNIT

Akademi Bahasa, UTM Johor Bahru

Akademi Bahasa terpilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2017 kerana telah memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam proses pengauditan bagi Kategori Bahagian/Unit. Komitmen dan usaha yang tinggi oleh pihak pengurusan dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diterapkan di tempat kerja. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bergerak aktif dan memainkan peranan bagi mengenalpasti pelaksanaan dan perancangan yang perlu bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Komitmen staf dalam mengambil berat mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan turut dijadikan suatu amalan budaya kerja selamat dan sihat. Selain itu, komunikasi hazard yang berkesan dapat memberi maklumat yang jelas kepada semua staf, pelajar dan pelawat di Akademi Bahasa. Oleh itu, atas komitmen dan pencapaian yang tinggi ini, para panel pengaudit telah sebulat suara mencadangkan agar Akademi Bahasa dicalonkan ke Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2017.



Pusat Kesihatan Universiti (PKU), UTM Johor Bahru

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UTM Johor Bahru terpilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 2017 atas komitmen serta usaha yang dipamerkan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat Bahagian/Unit. Pelbagai program dan aktiviti berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dijalankan dan ia sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan telah didokumentasikan dengan tersusun. Ia merupakan satu amalan pihak pengurusan PKU yang sentiasa bertekad dan beriltizam untuk mewujudkan suatu tempat kerja yang selamat dan sihat kepada staf mahupun pelawat yang berurusan dengannya. PKU berjaya menguruskan pelbagai jenis hazard yang ada di tempat kerja ini. Selain daripada komitmen yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan, penglibatan dan penyertaan staf merupakan tunjang kepada kejayaan

pelaksanaan program dan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

FINALIS KATEGORI MAKMAL / BENGKEL

Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), UTM Johor Bahru

Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) terpilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2017 kerana telah memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam proses pengauditan bagi Kategori Fakulti. Komitmen dan usaha yang tinggi oleh pihak pengurusan FKA dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diimplementasikan di tempat kerja. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan fakulti mempunyai arah tuju yang jelas mengenai fungsi serta telah mengenalpasti perancangan yang perlu dilaksanakan bagi memperbaiki tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Secara keseluruhannya, penyertaan dan penglibatan staf FKA sangat aktif mengambil berat mengenai KKP dan ianya turut dijadikan budaya semasa bekerja. Amalan 5'S dan Kelestarian yang diamalkan juga amat membantu sehingga menjadikan tahap kebersihan dan kekemasan pejabat ini sangat baik dan dapat mewujudkan suasana yang selesa dan kondusif untuk bekerja. Oleh itu, atas komitmen dan

pencapaian yang tinggi ini, para panel pengaudit telah sebulat suara mencadangkan agar Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) dicalonkan ke Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2017.



Fakulti Komputeran (FC), UTM Johor Bahru

Fakulti Komputeran terpilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2017 atas komitmen serta usaha yang dipamerkan oleh seluruh warga fakulti terutamanya pihak pengurusan tertinggi fakulti dalam meningkatkan tahap kesedaran berkaitan keselamatan & kesihatan pekerjaan. Pelaksanaan dan perancangan yang jelas dan tersusun oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Fakulti dalam merancang program-program kesedaran dan latihan yang berterusan dapat memberikan impak yang besar kepada seluruh warga fakulti. Amalan 5'S dan Kelestarian yang diamalkan oleh Fakulti Komputeran ini juga amat membantu sehingga menjadikan tahap kebersihan dan kekemasan pejabat ini sangat baik dan dapat mewujudkan suasana yang selesa untuk bekerja. Sistem komunikasi yang berkesan diwujudkan melalui laman web OSHE fakulti bagi menyalurkan pelbagai maklumat serta hebahan kepada warga fakulti.




Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

FINALIS KATEGORI KOLEJ KEDIAMAN / PENGINAPAN

Kolej Siswa Jaya (KSJ), UTM Kuala Lumpur

Kolej Siswa Jaya (KSJ) terpilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2017 atas komitmen serta usaha yang dipamerkan dalam mengekalkan serta meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kolej kediaman. Pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dijalankan dan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan kolej yang sentiasa bertekad serta beriltizam untuk mewujudkan suatu tempat kerja serta kediaman mahasiswa yang selesa dan kondusif. Selain daripada itu, penglibatan dan penyertaan staf merupakan tunjang kepada kejayaan pelaksanaan program dan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini dibuktikan melalui penerapan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai

kesedaran dan amalan untuk didedahkan kepada staf dan juga mahasiswanya melalui latihan, kursus, taklimat dan sebagainya.



Kolej Tun Fatimah (KTF), UTM Johor Bahru

Kolej Tun Fatimah (KTF) terpilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2017 kerana komitmen pengurusan kolej dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diterapkan di tempat kerja dan juga di kediaman mahasiswa. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mempunyai hala tuju yang jelas mengenai fungsi serta telah mengenalpasti perancangan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kolej. Dalam hal ini, banyak penambahbaikan dilaksanakan selaras dengan peningkatan secara berterusan seperti dokumentasi yang tersusun rapi, kursus dan latihan yang dijalankan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kesedaran staf mengenai kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja membolehkan pengurusan kolej menjalankan program dan

aktiviti yang berkesan. Oleh itu, atas komitmen dan pencapaian yang tinggi ini, para panel pengaudit telah sebulat suara mencadangkan agar Kolej Tun Fatimah dicalonkan ke Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2017.



Anugerah Penasihat Akademik

PROF. MADYA ISSHAM BIN ISMAIL
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga



Prof. Madya Issham bin Ismail telah memulakan tugasnya di Universiti Teknologi Malaysia sebagai Penolong Pensyarah A di Jabatan Kejuruteraan Petroleum, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli pada 6 Ogos 1988. Bergelar Profesor Madya pada tahun 2000 dan mencapai status Chartered Engineer (Engineering Council) dan Chartered Engineer (IMarEST) pada 2014.

Beliau diberikan beberapa tanggungjawab penting sepanjang perkhidmatannya termasuk Timbalan Dekan (Akademik), Ketua Jabatan, dan Penasihat Akademik kepada pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Petroleum. Ketiga-tiga pelantikan itu memberi

kepadanya peluang untuk membimbing para pelajar supaya bergelar graduan dengan minda kelas pertama yang sentiasa bersedia menghadapi cabaran global. Sehingga kini, beliau telah menjadi penasihat akademik kepada tujuh kohort pelajar.

Beliau sentiasa menerima pelantikan Penasihat Akademik dengan hati yang terbuka luas. Falsafah yang diamalkannya ialah "Hubungi Saya Bila-bila Masa Demi Kecemerlangan Akademik dan Sahsiah Anda". Kejayaan paling berimpak sepanjang bergelar Penasihat Akademik adalah apabila dua orang pelajarnya menerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen UTM ke-59, iaitu Encik Josiah Wong Siew Kai dan Cik Farah Waheeda Arshad.

Anugerah Perundingan

PROGRAM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA
SKM TAHAP 3-5 SINGLE TIER
MELALUI KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)
KOLEJ VOKASIONAL MALAYSIA

DR.ADNAN BIN AHMAD
Fakulti Pendidikan UTM

Lebih 1,000 kolej vokasional miliki SKM Tahap 4

16 Jun 2015 1:25 AM



JOHOR BAHRU 15 Jun – Dalam usaha mentransformasikan pendidikan vokasional, sebanyak 1,096 pensyarah di 80 kolej vokasional seluruh negara disasarkan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 4 menjelang akhir tahun ini atau awal tahun depan.

Dr.Adnan bin Ahmad merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan UTM. Bidang kepakaran adalah dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Selain kelayakan dalam bidang akademik, mempunyai kelayakan professional dalam bidang TVET Vocational Training Officer/Executive/Manager (VTOEM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Tahap 5-Bidang

Automotif) dan merupakan salah satu faktor utama melaksanakan kerja-kerja perundingan dalam TVET. Perundingan yang dijalankan berfokuskan kepada kursus-kursus peningkatan kemahiran, persijilan kemahiran kepada tenaga pengajar TVET dan kepada golongan yang memerlukan kemahiran. Kerjasama perundingan yang dijalankan bersama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) bagi golongan asnaf dan pelatih pusat pemulihan wanita. Beliau juga terlibat bersama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) sebagai panel pakar inovasi dan rekabentuk produk dalam TVET. Bermula pada tahun 2013 projek perundingan telah dijalankan bersama-sama dengan KBS dan KPM. Pada tahun 2014 projek perundingan diperolehi dari KPM bagi persijilan kemahiran untuk pelbagai bidang melalui Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM Tahap 1, 2 & 3), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM Tahap 4) dan Diploma Lanjutan Kemahiran (DLKM Tahap 5). Berdasarkan kepada rekod pelaksanaan projek perundingan yang baik pada tahun 2015 ianya diteruskan bersama KPM dan projek menyediakan kemahiran bersama MAIJ. Rekod pencapaian yang cemerlang dalam menjalankan projek-projek yang diberikan, pada tahun 2016 & 2017 kerjasama ini terus dikekalkan dan bagi tahun 2018 projek perundingan seumpama ini akan dilaksanakan bermula pada bulan Mei 2018. Selain dari KPM agensi swasta juga memberi kepercayaan dengan menggunakan khidmat nasihat Dr.Adnan dalam program latihan "Train the Trainers" bagi penyediaan pekerja asing dari Bangladesh. Pencapaian tertinggi dalam projek perundingan adalah pada tahun 2017 dengan penglibatan peserta yang mengikuti program PPT SKM, DKM & DLKM yang paling ramai dan nilai projek yang paling tinggi.

Anugerah Pengajaran

KATEGORI KEJURUTERAAN

PROF. MADYA DR. MOHD KAMARUDDIN BIN ABD. HAMID
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga



Sebagai seorang Profesor Madya di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT) Dr. Mohd. Kamaruddin bin Abd. Hamid banyak terlibat dalam jawatankuasa yang berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran terutamanya melibatkan Problem-Based Learning (PBL) dan Cooperative Learning (CL) di UTM sejak tahun 2004 lagi. Terkini beliau dilantik sebagai fasilitator/pemerhati bagi program “PBL for Low Carbon Education in Iskandar Malaysia” yang bertanggungjawab melatih guru-guru di 12 buah sekolah menengah di Johor. Sebagai Editor ASEAN Journal of Engineering Education (AJEE),

beliau selalu dijemput sebagai pemeriksa kertas kerja terutamanya dalam Frontiers in Education (FIE) Conference dan Regional Conference on Engineering Education (RCEE). Terlibat dalam dua geran penyelidikan berkaitan dengan Engineering Education, beliau telah berjaya menerbitkan 12 kertas kerja dan sembilan copyright di samping lima anugerah terutamanya Best of the Best Award Innovative Practices in Higher Education Expo (I-PHEX2015), Pingat Emas dalam Innovative Practices in Higher Education Expo (I-PHEX2015) dan terkini Active Blended Learning Course (Introduction to Engineering).

Anugerah Penyelidikan

“PROTOTYPE OF AN AFFORDABLE ADVANCED SUSPENSION SYSTEM FOR AUTOMOTIVE”

PROF. MADYA IR. DR. SAIFUL AMRI MAZLAN
Malaysia-Japan International Institute Of Technology



Projek Prototype of an Affordable Advanced Suspension System for Automotive merupakan lanjutan daripada kajian terhadap karakteristik injap magnetorheologi hasil daripada geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS). Kajian tersebut berjaya menghasilkan konsep baru injap reologi-magnet (MR) dengan

memperkenalkan laluan aliran yang berliku-liku sebagai pendekatan baru dan telah dipatenkan (PI2015000118). Laluan aliran ini dibentuk melalui beberapa susunan saluran gegelang dan tebaran jejari secara berturutan supaya jumlah kawasan yang berkesan di dalam injap MR boleh ditingkatkan tanpa menjejaskan saiz keseluruhan dan prestasi injap.

Secara umum, sejenis bahan pintar iaitu cecair MR telah digunakan sebagai asas kepada projek ini. Cecair ini adalah bahan responsif dengan keupayaan untuk mengubah tingkahlaku reologi melalui medan magnet luar. Cecair ini mempunyai kelebihan dari segi tindakbalas serta-merta, sifat reologi yang boleh dikawal dan kebolehannya dalam penyesuaian daya redaman. Oleh yang demikian, pembangunan satu aplikasi untuk mendapatkan julat prestasi boleh kawal yang lebih besar merupakan sesuatu yang boleh memberi manfaat bagi kegunaan pelbagai industri. Sehubungan dengan itu, cecair MR telah digunakan dalam pembangunan injap MR dan seterusnya diadaptasikan dalam membangunkan sistem peredam bagi kegunaan automotif. Sistem peredam MR yang dibangunkan ini mempunyai konsep baru yang mana injap MR diletakkan pada kedudukan statik pada bahagian bawah peredam berlainan dengan peredam MR konvensional yang mana injap penampakan kerap bersepadu dengan ombok, untuk mencapai struktur yang kemas dan padat. Kekangan ruang dalam ombok menghadkan pencapaian batasan kuasa yang boleh dihasilkan oleh peredam.

Kajian mengfokuskan kepada lima (5) aspek iaitu perbandingan jenis peredam konvensional dan pintasan, pemilihan jenis injap,

ramalan prestasi, pembuatan prototaip dan penilaian daya redaman. Seterusnya, pemasangan injap MR berpusat di peredam MR yang baharu menggunakan konsep yang sama dengan peredam MR jenis pintasan, namun pemasangan injapnya adalah selari dengan paksi silinder. Dengan susunan sedemikian, pemasangan ini hanya memerlukan ruangan yang lebih kecil jika dibandingkan dengan peredam MR jenis pintasan yang biasa. Kaedah Finite Element Method Magnetics (FEMM) digunakan sebagai asas untuk memilih injap yang sesuai berdasarkan kepada penyiasatan prestasi injap. Lima (5) jenis injap yang berbeza; gegelang, tebaran, gegelang-tebaran, konfigurasi berliku dan aliran berpintal-pintal telah disiasat sebagai perbandingan. Injap jenis konfigurasi berliku telah dipilih kerana memiliki nilai jarak dinamik tertinggi berbanding injap-injap yang lain. Kuasa redaman peredam MR yang baru dengan injap berliku boleh mencapai 1.7 kN pada keadaan aktif dan 0.4 kN pada keadaan pasif. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa peredam MR dengan injap berliku seperti yang dicadangkan boleh menghasilkan jarak yang luas bagi kuasa redaman dinamik dengan struktur yang padat lalu memberikan pilihan yang lebih baik untuk peredam MR berprestasi tinggi.

Melalui projek penyelidikan ini, 13 artikel berjaya diterbitkan di dalam jurnal berimpak tinggi (Q1 dan Q2), 7 paten dan 1 rekabentuk utiliti berjaya difailkan, 2 anugerah inovasi (Pecipta dan MTE) dan pemeteraian lima (5) perjanjian MOU, MOA dan LOI dengan syarikat dan industri serta pusat penyelidikan luar negara



Prototype



Performance Testing



Quarter Car Dynamic Testing

Anugerah Penyelidikan

SAINTIS MUDA

DR. LIM JENG SHIUN

Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Tenaga



Dr. Lim Jeng Shiun ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga dan penyelidik di UTM- PROSPECT. Kepakaran utamanya ialah pembangunan inovatif dan aplikasi teknik untuk membantu komuniti and syarikat melakukan perancangan sumber, tenaga dan karbon untuk kelestarian.

Dr. Lim telah menerbitkan lebih 70 penerbitan berindeks (H-Index –15). Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Editorial Antarabangsa JCLEPRO, dan juga editor untuk isu khas JCLEPRO dan CET (Scopus Indeks). Dr. Lim berjaya memperoleh kelayakan

sebagai jurutera profesional antarabangsa IChemE, pengurus tenaga bertauliah, dan pengurus tenaga elektrik berdaftar. Beliau menyumbang sebagai pakar rujuk kepada industri tempatan dan syarikat multinasional seperti SHELL. Beliau turut menyumbang kepada Pelan Tindakan LCS untuk Iskandar Malaysia 2025 yang disahkan oleh Perdana Menteri semasa COP 18 Doha. Salah satu produk Dr Lim, e-SMART (sistem pemantauan tenaga dalam talian), telah memenangi geran pengkomersilan yang bernilai lebih daripada RM 800k. Produk tersebut kini digunakan oleh UTM untuk pengurusan tenaga.

Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk

FINALIS

NATUREL KISS™ – NON TOXIC COSMETIC

PROF. MADYA DR. SITI HAMIDAH BINTI SETAPAR

Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga



Professor Madya Dr. Siti Hamidah Mohd Setapar merupakan ahli akademik di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, Universiti Teknologi Malaysia dan juga merupakan felo penyelidik di Centre of Lipid Engineering and Applied Research (CLEAR). Antara bidang penyelidikan beliau adalah

teknologi micelle dan pengekstrakan pewarna daripada pelbagai bahan semulajadi seperti daun dan bunga tumbuhan tempatan. Hasrat untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan telah merealisasikan penghasilan produk pelembab bibir 100% semulajadi daripada pewarna roselle, dikomersialkan oleh SHE Empire Sdn. Bhd., iaitu salah satu syarikat hiliran UTM di bawah jenama Naturel Kiss™. Pelembab bibir ini adalah penyelesaian kepada masalah bibir merekah dan kering. Produk ini merupakan permulaan kepada pelbagai produk yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidikan yang diterajui oleh Dr. Siti Hamidah, mengetengahkan kosmetik selamat dan bebas toksik sebagai matlamat utama. Inovasi yang dihasilkan telah mendapat pelbagai anugerah dan penghargaan samada di peringkat universiti, kebangsaan dan juga antarabangsa. Sebagai contoh, prototaip produk 'Micellar Series' telah memenangi Semi Grand dan Gold Awards di PECEIPTA 2017, aplikasi minyak roselle dalam kosmetik (Juara ACADREX 2016), 'Lip Moist with Omega-3' (BioInnovation Awards 2012 dan ITEX 2013), Natural Night Lip Balm (Best Invention Award Category H, INATEX 2013) dan pelbagai anugerah lain. Di samping itu, Dr. Siti Hamidah sentiasa dijemput untuk berkongsi mengenai kosmetik selamat dan pengalaman beliau daripada penyelidikan kepada komersialan oleh pelbagai pihak. Antaranya forum sempena program 'Tribute to Women Lifestyle Fest 2017' dan Ekspo Johor

Berkemajuan. Dr. Siti Hamidah telah mendapat pelbagai nasihat dan bimbingan daripada Biotech Corporation, IRDA, MARA, Royal Academy of Engineer (UK) dan Innovation Academy (Dublin, Ireland) untuk memperkukuhkan lagi produk –produk penyelidikan ini di pasaran.



Anugerah Penerbitan KATEGORI FAKULTI

Fakulti Kejuruteraan Awam



Always Ahead ialah moto peneraju kemajuan Fakulti Kejuruteraan Awam. Maka, staf fakulti diperingatkan agar berkhidmat mencapai matlamat bersama UTM, iaitu memenuhi kriteria 5P mengimbangi pencapaian peribadi mahupun menyumbang kepada KAI Universiti. Semenjak UTM dinobatkan sebagai Universiti Penyelidikan, salah satu seksyen utama yang dititikberatkan ialah penerbitan.

Seiring dengan moto fakulti, kesungguhan staf FKA dalam penerbitan kini kian tampak ketara dan seimbang. Identiti FKA telah menapak dalam pelbagai media penulisan daripada jurnal berindek (WOS dan Scopus), jurnal tidak berindek, buku asli, bab dalam buku, prosiding persidangan hinggalah ke artikel dalam akhbar. Nama-nama seperti PM Dr. Yusof Ahmad, Ir. Mohd

Salleh Yassin, Dr. Ramli Abdullah, dan En. Amat Sairin Demun sudah tidak asing dalam pengeluaran buku asli dan sering diiktiraf sebagai pemenang dalam program Citra Karisma Universiti. Prof. Dr. Edy Tonizam, Dr. Nur Hafizah A. Khalid, dan PM Dr. Aminah Yusof pula giat mencurahkan bakti dalam penulisan akhbar. Nama-nama tokoh yang menyumbang dalam penulisan artikel jurnal sangatlah ramai untuk disenaraikan. Malah, ada yang mampu menerbitkan artikel di dalam jurnal nombor satu dalam bidangnya. Ada juga penulis tunggal menulis artikel di dalam jurnal terkemuka antarabangsa.

Pengumpulan data 2014 – 2017 memperlihatkan bukti keunggulan staf FKA menyumbang dalam penulisan. Menurut data MyRA, 435 artikel jurnal WOS, 501 artikel jurnal Scopus, dan 158 artikel jurnal tidak berindek, 816 artikel prosiding persidangan, dan 207 bab dalam buku telah diterbitkan. Sehingga kini bilangan staf FKA yang mencapai h-index melebihi 2 adalah 88.8%.

Menyedari kepentingan sumbangan penulisan kepada kualiti diri staf akademik, ranking fakulti dan Universiti, sekurang-kurangnya dua bengkel penulisan masing-masing di kalangan staf dan pelajar pasca ijazah diadakan secara berkala setiap tahun. Ini dengan harapan tradisi keunggulan penulisan dapat diperkasa dan diteruskan, iaitu bukan memenuhi matlamat semasa sahaja tapi bersifat transcend melangkaui generasi. Hasil sumbangan penulisan, antara kriteria utama penilaian kedudukan FKA menempatkan diri dengan baik sekali, yakni dalam kedudukan 50 – 100 dunia.

Anugerah Penerbitan KATEGORI FAKULTI

Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga



Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT) telah ditubuhkan pada 1 Oktober 2015 melalui penggabungan antara Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK) dan Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Kejuruteraan Tenaga Diperbaharui (FPREE). Bidang kejuruteraan kimia telah disenaraikan oleh QS World University Ranking (kategori subjek) di kedudukan antara 50 hingga 100 (1% teratas) program kejuruteraan kimia di dunia, seterusnya menjadikan FKT antara fakulti yang berjaya melonjak ke senarai tertinggi tersebut di UTM. Menerusi Audit Dalaman MyRA 2017 baru-baru ini, FKT merupakan satu-satunya fakulti yang memperolehi penarafan 6 bintang dengan markah keseluruhan melebihi 115%.

Bagi tahun 2017, sinergi antara Pusat Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (HICoE), Pusat Kecemerlangan Universiti (CoE) dan Kumpulan Penyelidikan (RG) yang terdapat di FKT telah berjaya menghasilkan sebanyak 449 penerbitan dalam Jurnal Berindeks yang mana 175 penerbitan adalah dari Kuartil Q1/Q2 i.e. penerbitan berimpak tinggi. Ditambah pula dengan penerbitan lain seperti Buku Penyelidikan, Buku Suntingan dan Bab-dalam-Buku, adalah tidak menghairankan untuk FKT terus saban tahun memainkan peranan sebagai penyumbang utama bagi output penerbitan universiti. Antara bidang penerbitan utama FKT termasuklah Bahan Termaju, Membran, Proses Kimia, Bioproduk, Proses Sistem, Tenaga-boleh-diperbaharui, Polimer, Makanan, Tenaga Hijau, Petroleum dan Pengurusan Sisa. Dua


orang penyelidik FKT turut telah menerima anugerah Malaysia Research Star Awards 2017 oleh Scopus, the Netherlands atas sumbangan penerbitan dalam bidang masing-masing. Selain daripada itu, seramai 60% staf FKT mempunyai h-index sekurang-kurangnya 5.

Adalah menjadi aspirasi FKT untuk terus mengekalkan tahap kecemerlangan yang tinggi seterusnya terus menerus menyumbang terhadap memartabatkan UTM sebagai universiti penyelidikan yang paling pesat meningkat di Malaysia. Ini boleh dicapai melalui pelaksanaan aktiviti seperti bengkel penulisan jurnal berimpak tinggi, penerbitan makalah dengan rakan penyelidik antarabangsa serta program Mentor-Mentee antara penyelidik eminen dan penyelidik muda.



Anugerah Penerbitan
KATEGORI FAKULTI

Malaysia-Japan International Institute of Technology



MJIIT telah dipersetujui untuk ditubuhkan di UTM pada 26 Mei 2010 dalam Mesyuarat Kabinet yang bertujuan untuk mewujudkan sebuah institut pendidikan di Malaysia yang menawarkan pendidikan kejuruteraan ala Jepun di rantau ASEAN bagi membuka peluang kepada rakyat Malaysia untuk memperolehi pendidikan bertaraf antarabangsa. Penubuhan MJIIT ini juga adalah hasil usahasama yang padu di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Pada tahun 2017, MJIIT telah berkembang dengan mempunyai bilangan staf akademik seramai 84 orang dan bilangan enrolmen pelajar pra dan pasca siswazah seramai 1241 orang. Disamping itu, sebanyak 29 buah universiti di Jepun telah bersetuju untuk menjadi rakan kerjasama bagi menjayakan program pendidikan dan penyelidikan MJIIT.

Penggalakan budaya penerbitan dikalangan staf dan pelajar MJIIT disemarakkan dengan pengamalan sistem penyelidikan ala Jepun yang dipanggil innovative Kohza (iKohza). Melalui iKohza, pendekatan mentor-mentee diterapkan di antara pelajar pascasiswazah dan prasiswazah agar sinergi dalam penyelidikan dapat dicapai. Setakat ini, sebanyak 19 buah iKohza telah ditubuhkan di MJIIT dengan tujuan untuk mempertingkatkan penyelidikan usahasama multi-disiplin dikalangan staf dengan kerjasama institusi dan industri di dalam dan luar negara.

Disamping itu, program-program penggalakkan penerbitan untuk pelajar dan staf muda juga dijalankan secara konsisten di peringkat fakulti setiap tahun.

Hasil kerjasama dan budaya 'keluarga' penyelidikan yang erat di dalam iKohza, MJIIT telah berjaya menjadi Fakulti yang mempunyai kadar penerbitan terbaik di UTM Kuala Lumpur pada tahun 2017. Bilangan penerbitan jurnal berimpak tinggi yang berjaya dihasilkan adalah sebanyak 1,624 dari tahun 2011-2017 manakala bilangan faktor impak kumulatif bagi penerbitan dalam jurnal berindeks sitasi adalah sebanyak 12,333. Di antara penerbitan terbaik yang telah dihasilkan oleh staf MJIIT ialah oleh Professor Mohamed Mahmoud Nasef pada tahun 2014 dengan faktor impak 45.661. Pencapaian ini adalah sesuatu yang patut dibanggakan memandangkan MJIIT adalah sebuah fakulti yang baru berusia 7 tahun tetapi berjaya mencapai indeks penerbitan yang setanding dengan fakulti-fakulti lain yang telah wujud lebih lama di UTM.



Anugerah Penerbitan
KATEGORI PUSAT KECEMERLANGAN (COE)

Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC)


Sejarah penubuhan Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC) bermula dengan tertubuhnya Membrane Research Unit (MRU) pada tahun 1990 di Kampus Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL). AMTEC telah dinaik taraf sebagai salah satu pusat kecemerlangan (CoE) di UTM pada tahun 2008. Pada November 2015, AMTEC telah diiktiraf secara rasmi sebagai Institusi Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) dalam bidang Water Reclamation oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Sejak ditubuhkan, AMTEC telah dikenali sebagai pusat rujukan serantau dan antarabangsa di dalam bidang teknologi membran. AMTEC telah mencapai kejayaan yang sangat membanggakan sebagai platform untuk meningkatkan dan memantapkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) dalam bidang bahan termaju berasaskan membran. AMTEC ditunjangi oleh tiga kumpulan penyelidikan yang terdiri daripada penyelidik-penyelidik dinamik dan komited yang cemerlang dalam pelbagai bidang kepakaran yang berkaitan dengan bahan termaju berasaskan membran dan pembuatan teknologi tinggi.

Program penyelidikan AMTEC merangkumi bidang-bidang penyelidikan pelbagai disiplin yang berkaitan dengan sains membran termaju dan teknologi dalam spektrum yang meluas termasuk dalam bidang rawatan dan pemulihan air sisa, pemisahan gas, fuel cell, dan sel solar. Sebagai salah satu pusat kecemerlangan, AMTEC memberi tumpuan yang padu dan menyeluruh kepada penerbitan ilmiah berimpak tinggi sebagai salah satu dari hasil penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan. AMTEC juga telah berkerjasama dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa termasuklah industry seperti Petronas dan Sime Darby. Pada tahun 2017, AMTEC telah menerbitkan 120 jurnal antarabangsa yang berimpak tinggi dengan peratusan penerbitan di dalam jurnal kuartil 1 dan 2 adalah sebanyak 78%. Hasil penyelidikan AMTEC juga dapat dilihat dari segi penerbitan buku, bab-bab dalam buku, prosiding persidangan dan pemfailan paten. Setakat ini, AMTEC telah menghasilkan 138 pelajar pascasiswazah di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

AMTEC History



AMTEC's Research Areas



Anugerah Penerbitan
KATEGORI PUSAT KECEMERLANGAN (COE)

Institut Pembangunan Bioproduk (IBD)

Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) pada awalnya adalah dikenali sebagai Loji Pandu Kejuruteraan Kimia (CEPP). Diasaskan penubuhannya oleh Prof. Ramlan bin Aziz pada 1998; ia kemudian dinaiktaraf kepada institut pada 2011. Tahun ini merupakan ulangtahun penubuhan IBD kali ke-20 tahun. IBD merupakan sebuah pusat kecemerlangan yang berperanan menerajui penyelidikan dan pembangunan bioproduk untuk kesejahteraan dan kesihatan. IBD memberi tumpuan kepada penggunaan kepelbagaian biologi terutamanya tumbuhan dan mikrob sebagai bahan utama untuk kajian dan pembangunan produk. IBD mempunyai seramai 53 orang staf yang berdedikasi menayakan visi dan misi IBD.

Visi IBD ialah menjadi peneraju inovatif dalam penyelidikan dan pembangunan bioproduk dengan matlamat menambah pengeluaran berteraskan pasaran inovatif ke arah meningkatkan kehidupan sihat menerusi penggunaan bahan semulajadi. Perkhidmatan lain yang ditawarkan IBD adalah pembelajaran sepanjang hayat pasca siswazah; Sarjana dan Kedoktoran (PhD), analisa makmal, pengilangan kontrak dan penyewaan ruang. Staf IBD juga aktif dalam penghasilan kertas kerja berindeks, penulisan, penyelidikan, perundingan, pengkomersialan produk dan penawaran perkhidmatan yang dinyatakan di atas secara sinergi dengan output yang lebih produktif dan efektif.

Pengiktirafan sijil MS ISO / IEC 17025 Testing SAMM No. 433 oleh Jabatan Standard Malaysia untuk makmal mikrobiologi, makmal metabolit dan makmal baja, air dan tanah. Penerima Penyedia Latihan Terbaik oleh Institusi Jurutera Kimia / The Institution of Chemical Engineers (ICChemE). Penerima Anugerah Industri Terbaik oleh Bioeconomy Corporation dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk tahun 2015, 2016 dan 2017. Anugerah ini mengiktiraf IBD sebagai pusat berkaitan industri yang menjadi pilihan dalam menyediakan perkhidmatan bioprocessing bernilai tinggi. Perkhidmatan Pemprosesan

Tumbuhan dan Herba (HEC) diiktiraf dengan pensijilan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengiktirafan Anugerah Akademik Negara 2017 di bawah Kategori Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk bagi penghasilan produk Minyak Kelapa Dara kepada Pengarah IBD, Profesor Dr. Mohamad Roji bin Sarmidi.

Pencapaian tertinggi IBD adalah penganugerahan sebagai HICoE (Higher Institution Centre of Excellence) oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada Januari 2017. IBD adalah HICoE keempat dalam UTM dan menjadi peneraju dalam bidang nic bertajuk "Plants and Microbial Bioproducts for Human Wellness". Tahun ini 2018, IBD menyambut ulangtahun penubuhannya untuk kali ke-20 tahun.



Anugerah Penerbitan
KATEGORI PUSAT KECEMERLANGAN (COE)

Research Institute for Sustainable Environment (RISE)



Research Institute for Sustainable Environment (RISE) adalah satu institut yang dibentuk dari penggabungan antara 5 Pusat Kecemerlangan yang mampan di UTM iaitu Pusat Pelestarian Alam Sekitar dan Sekuriti Air (iPASA), Pusat Geosains & Digital Bumi (INSTEG), Pusat Kejuruteraan Sistem Proses (PROSPECT), Pusat Perancangan dan Pembangunan Inovatif

(CIPD) dan juga Pusat Kejuruteraan Pantai dan Lautan (COEI). Institut Penyelidikan Pelestarian Alam Sekitar (RISE) ini telah ditubuhkan pada 15 Februari 2015. Institut ini bergiat aktif menjalankan penyelidikan R&D, perundingan, perkhidmatan makmal, pemantauan dan ujian, pakar rujuk dan nasihat dalam membuat dasar polisi, perancang bandar serta merancang dan menguruskan sumber air dan air sisa termasuk kejuruteraan alam sekitar yang mampan.

Aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan institute ini telah meningkat secara drastik sepanjang beberapa tahun yang lalu. Pada masa ini, terdapat 50 kakitangan akademik, 11 orang pasca doktoral, 6 pegawai penyelidik (RO), 4 penolong jurutera, 5 kakitangan pentadbiran dan 2 pembantu penyelidik (RA). Terdapat lebih daripada 100 pelajar pasca siswazah tempatan dan antarabangsa menjalankan projek penyelidikan yang berkaitan dengan bidang yang berkaitan dengan institut. Pada masa ini, RISE memberi tumpuan kepada penyelidikan, pengkomersilan produk, perkhidmatan penyelidikan dan perundingan kontrak. Sebahagian besar penyelidikan dibiayai sepenuhnya oleh geran dari dalam dan luar

negara. Dengan dana penyelidikan ini, RISE berjaya menerbitkan lebih banyak jurnal yang berimpak tinggi seperti bilangan peratusan Q1 dan Q2 tertinggi di UTM termasuk beberapa kertas polisi serta indeks jurnal yang lain.

Bermula penubuhan institut ini, RISE berjaya mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam Audit Pencapaian KPI tahunan (HICOE) dimana tersenarai sebagai tiga finalis institut yang cemerlang di UTM pada setiap tahun. Pada tahun 2017, dengan keahlian seramai 27 orang ahli penuh dan 23 orang ahli bersekutu, RISE telah menghasilkan sebanyak 411 penerbitan, dengan 206 daripadanya adalah Jurnal Berindeks. Jumlah kumulatif sitasi dari penyelidik RISE pula mencecah 5158 bagi tahun 2017. Di samping itu, RISE juga telah menerajui sitasi dalam beberapa bidang kepakaran RISE di peringkat dunia seperti diantaranya remote sensing dan optimisation process. RISE juga telah bekerjasama dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa termasuklah industry seperti UniKL, MITEC, Kyoto University dan lain-lain dalam penghasilan jurnal ini.



Anugerah Penerbitan

FINALIS - ANUGERAH BUKU KARYA ASLI & PENYELIDIKAN (KATEGORI SAINS & TEKNOLOGI)

SINOPSIS BUKU



**Civil Engineering
Fluid Mechanics
: Problems and
Solutions**

Buku Civil Engineering Fluid Mechanics: Problems and Solutions ini adalah sebuah buku terbitan tahun 2017 yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Buku ini mengandungi 10 bab yang merupakan tajuk teras dalam kursus mekanik bendalir bagi program kejuruteraan awam dalam kebanyakan universiti di seluruh dunia.

Setiap bab mengandungi senarai hasil pembelajaran yang menjelaskan harapan pengarang terhadap pembaca di samping dapat

mengetahui tahap pencapaian diri pembaca. Penerangan berkenaan konsep dan teori bagi tajuk-tajuk dalam bab berkenaan juga dimuatkan dengan menggunakan teks kandungan yang agak ringkas dengan laras bahasa yang mudah difahami.

Kefahaman isi kandungan buku ini diperkukuh dengan mengutarakan penyelesaian masalah secara total dengan penerangan secara langkah demi langkah bagi setiap tajuk dalam bab berkenaan.



BIODATA PENULIS

Amat Sairin Demun ialah pensyarah kanan Mekanik Bendalir Kejuruteraan Awam dan Hidraulik Kejuruteraan Awam, di Jabatan Jabatan Kejuruteraan Air dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru sejak tahun 1988. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari University of the Pacific, California (1982–1986) dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan

(Hidraulik dan Hidrologi) dari UTM (1989–1991).

Beliau telah menerbitkan tiga judul buku, iaitu Hidraulik Saluran Terbuka dengan Penggunaan Komputer (1997), Civil Engineering Fluid Mechanics: Problems and Solution dan Hydraulics Engineering: Problems and Solutions (2017). Kesemua buku ini diterbitkan oleh Penerbit UTM Press.

Anugerah Penerbitan

FINALIS - ANUGERAH BUKU KARYA ASLI & PENYELIDIKAN (KATEGORI SAINS & TEKNOLOGI)

SINOPSIS BUKU



Nanofiltration Membranes Synthesis, Characterization and Applications

Buku ini menerangkan gambaran keseluruhan mengenai perkembangan teknologi membran turasan nano (NF) ini di sepanjang dekad yang lepas. Ia secara uniknyanya merangkumi pelbagai teknik pembuatan, membandingkan prosedur setiap teknik bagi menghasilkan membran polimer yang berbeza morfologi.

Buku ini juga membincangkan kelebihan bahan yang digunakan dalam pembuatan polimer membran komposit filem nipis dan pengaruhnya ke atas sifat yang berhubung dengan struktur dan

ciri pengasingan. Satu ulasan menyeluruh ke atas kaedah pencirian NF dan teknik telah disertakan, menilai ciri fizikal dan kimia dan ciri pengasingan dan kestabilan. Cabaran teknikal dalam penghasilan generasi membran NF baharu juga telah diulas dan kemungkinan yang boleh menangani cabaran itu telah disertakan. Buku ini juga menyimpulkan berkaitan dengan kajian kes ke atas penggunaan membran NF dalam pelaksanaan industri bagi kedua-dua media akueus dan bukan akueus.

BIODATA PENULIS



Dr. Lau Woei Jye ialah Profesor Madya di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT) dan rakan penyelidik di Pusat Teknologi Membran Termaju (AMTEC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru.

Beliau mempunyai minat yang mendalam terhadap penyelidikan dalam bidang teknologi pemisahan berasaskan membran. Pada Mei 2018, beliau telah menerbitkan lebih daripada 110 kertas kerja saintifik, 12 ulasan, dan tujuh bab buku dengan h-

index sebanyak 31. Selain itu, beliau juga adalah pengarang dua buku penyelidikan dan dianugerahkan 5 paten.

Beliau telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya ialah anugerah Australian Endeavour Research Fellowship 2015, UI-RESOLV Program 2016 (Indonesia), Mevlana International Exchange Program 2017/2018 (Turkey), dan Sakura Exchange Program 2018 (Japan).

BIODATA PENULIS



Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mulai 16 Januari 2015 hingga kini dan juga merupakan Pengasas dan Pengarah, Pusat Teknologi Membran Termaju (AMTEC), UTM. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Petroleum dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Kimia dari UTM dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan Proses dari University of Strathclyde, Scotland, United Kingdom. Beliau berpengalaman lebih daripada 23 tahun dalam pembangunan teknologi membrane. Dalam bidang penerbitan, beliau ialah saintis Asia pertama yang dilantik sebagai Editor jurnal

Desalination terbitan Elsevier UK. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 555 penerbitan dalam jurnal berwasiat berimpak tinggi. Seterusnya, beliau juga telah menerbitkan enam judul buku karya asli, 50 bab-bab dalam buku dan 5 buah buku yang disunting. Beliau telah memenangi lebih 120 anugerah peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Antara anugerah tersebut ialah Anugerah Merdeka 2014 bagi kategori Pencapaian Ulung Akademik, Malaysia's Research Star Award 2017, Anugerah Malaysia's Rising Star 2016, Anugerah Pelan Tindakan Inovatif bagi Pembangunan Modal Insan Peringkat Tertinggi 2013, dan Anugerah Akademik Negara 2013 (Kategori Inovasi & Pengkomersilan Produk).

Anugerah Penerbitan

FINALIS - ANUGERAH BUKU KARYA ASLI & PENYELIDIKAN (KATEGORI SAINS SOSIAL)

SINOPSIS BUKU



**Pembangunan Mampan
Luar Bandar**

Pembangunan mampan luar bandar adalah suatu proses perubahan pelbagai dimensi terhadap sistem luar bandar, termasuk pertumbuhan ekonomi, penambahbaikan keadaan sosial, pemeliharaan warisan dan sumber semula jadi yang dilaksanakan melalui pendekatan penyertaan dan penggunaan sumber tempatan secara cermat. Justeru, selari dengan tren perkembangan agenda kemampanan dalam pembangunan negara, buku

ini menghuraikan konsep, dimensi, dan indikator pembangunan mampan dengan penumpuan khusus mengenai kemampanan kawasan pengeluaran padi di Sabah.

Buku ini boleh membantu para perancang dan pelaksana pembangunan pertanian dan luar bandar memahami secara lebih mendalam idea pembangunan mampan yang dikaitkan dengan perancangan kawasan pengeluaran padi di Sabah.



BIODATA PENULIS

Prof. Dr. Tpr. Ibrahim Ngah berkhidmat di Pusat Perancangan dan Pembangunan Inovatif (CIPD), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru. Beliau adalah Perancang Bandar berdaftar dengan pengkhususan dalam bidang perancangan dan pembangunan luar bandar. Antara pengiktirafan terkini kepakarannya ialah beliau telah dilantik oleh Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah sebagai Ketua Perunding dalam Penyediaan Dasar Pembangunan Luar Bandar Transformasi Nasional 2050 (DPLB TN50). Beliau juga diundang oleh National University of Singapore sebagai rakan penyelidik dalam Projek

Asian Smallholders: Transformation and Persistence (2016-2018) yang kini dalam proses penghasilan beberapa buku penulisan bersama dengan rakan akademik lain dari 10 buah negara di Asia.

Beliau telah menerbitkan lima buah karya yang dikarang oleh beliau dan bersama pengarang lain, iaitu Pelan Tindakan Desa (2003), Pembangunan Mapan Orang Asli (2007), Exploring Pathways for Sustainable Rural Development in Malaysia (2015), Pembangunan Mampan Luar Bandar (2017), dan Indonesian Immigrant Labours in Rural Johor (2018).



BIODATA PENULIS

Dr. Ubong Imang ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. Beliau memperoleh Doktor Falsafah dari Universiti Teknologi Malaysia. Selain

mengajar, beliau terlibat secara langsung dalam penyelidikan dan perundingan khususnya tentang aspek perancangan luar bandar, demografi sosial, dan kajian impak sosial.

Anugerah Penerimaan

FINALIS - ANUGERAH BUKU KARYA ASLI & PENYELIDIKAN (KATEGORI SAINS SOSIAL)

SINOPSIS BUKU



**Pembelajaran
Transformatif
dan Pertukaran Agama**

Buku ini mengupas tentang fenomena pengalaman individu Cina Muslim dalam mengubah perspektif (mind set) terhadap agama Islam. Pada umumnya, tanggapan masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam adalah pelbagai – positif dan negatif dan ia sangat berkait rapat dengan pelbagai faktor luaran seperti peranan media massa yang cenderung berat sebelah dan faktor dalam umat Islam itu sendiri seperti tingkahlaku serta sifat yang dilihat menjengkelkan. Ia sekali gus memberi suatu gambaran bahawa Islam ialah agama yang tiada toleransi, rigid, ekstrim dan tertutup. Maka, faktor tersebut telah mewujudkan 'Islamophobia' dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Konsep 'Islamophobia' ini meresap dengan mendalam ke dalam pemikiran

mereka sejak sekian lama, khususnya selepas peristiwa 9/11. Namun begitu, faktor pencetus dan faktor pembantu lainnya telah menyebabkan segelintir orang bukan Islam mula melakukan refleksi kritikal dan seterusnya membina perspektif makna yang lebih positif terhadap agama Islam. Akhirnya, dengan hidayah daripada Allah, mereka kembali kepada fitrah, iaitu agama Islam.

Buku ini juga memerihalkan fenomena kembali kepada fitrah ini menerusi proses pembelajaran transformatif yang amat berliku dan mencabar. Rakaman pengalaman yang dilalui oleh individu Cina Muslim ini dijelaskan secara terperinci menerusi suatu model yang dinamakan Transformasi Perspektif Terhadap Islam.



BIODATA PENULIS

Dr. Mohd Azhar Abd Hamid ialah pensyarah kanan di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1992, Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan dan Pembangunan) pada tahun 1997 dan Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan) pada tahun 2012, kedua-duanya dari UTM. Penglibatan beliau dalam penulisan bermula secara aktif bermula pada tahun

2001. Selain menulis buku, beliau juga pernah menjadi Ketua Editor Jurnal Kemanusiaan, penilai, editor buku, dan pembaca prof.

Sehingga kini, beliau telah menghasilkan 20 judul buah buku bertemakan kreativiti, inovasi, tamadun, hubungan etnik, dan pembelajaran dewasa. dengan pelbagai penerbit di Malaysia. Selain itu, beliau turut aktif menulis artikel jurnal dan menjalankan pelbagai penyelidikan yang berkaitan bidangnya.

Anugerah Penerbitan
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS

KATEGORI FAKULTI

Bil.	Nama Fakulti	Nama Penerima
1.	Advance Informatic School (AIS)	Prof. Madya Dr.Mohd Naz'ri Bin Mahrin Dr. Kamilia Binti Kamardin Dr. Noor Azurati Binti Ahmad @ Salleh
2.	Akademi Bahasa	Dr. Shanti Chandran A/P Sandaran Prof. Madya Dr. Ummul Khair Binti Ahmad Prof. Madya Dr. Faizah Binti Mohamad Nor
3.	Fakulti Alam Bina	Prof. Dr. Ho Chin Siong Prof. Dr. Ismail Bin Said Prof. Madya Dr. Muhammad Zaly Shah Bin Muhammad Hussein
4.	Fakulti Biosains Dan Kejuruteraan Perubatan	Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir bin Omar Prof. Dr. Fahrul Zaman Bin Huyop Dr. Goh Kian Mau
5.	Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah	Dr. Nurul Hazrina Binti Idris Dr. Nurul Hawani Binti Idris Prof. Adjunct Miswan @ Abdul Hakim Bin Mohammed
6.	Fakulti Kejuruteraan Awam	Prof. Madya Dr.Shamsuddin Shahid Prof. Madya Dr. Mohd Fadhil Bin Md Din Prof. Dr. Muhd Zaimi Bin. Abd Majid
7.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	Prof. Dr. Razali Bin Ismail Prof. Dr. Mohd Wazir Bin Mustafa Prof. Madya Dr. Mohamed Sultan Bin Mohamed Ali
8.	Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Kejuruteraan Tenaga	Prof. Dr. Nor Aishah Binti Saidina Amin Dr. Muhammad Tahir Dr. Goh Pei Sean
9.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	Prof. Dr. Esah Binti Hamzah Prof. Madya Dr. Syahrullail Bin Samion Prof. Dr. Farid Nasir Bin Haji Ani
10.	Fakulti Komputeran	Prof. Madya Dr.Othman Bin Ibrahim Prof. Dr. Abdul Hanan Bin Abdullah Prof. Dr. Kamalrulnizam Bin Abu Bakar

Anugerah Penerbitan
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS

KATEGORI FAKULTI

Bil.	Nama Fakulti	Nama Penerima
11.	Fakulti Pendidikan	Dr. Abdul Halim Bin Abdullah Dr. Nor Hasniza Binti Ibrahim Dr. Mahani Binti Mokhtar
12.	Fakulti Pengurusan	Dr. Abbas Mardani Prof. Dr. Amran Bin Md. Rasli Prof. Madya Dr. Ahmad Bin Jusoh
13.	Fakulti Sains	Prof. Madya Dr. Sib Krishna Ghoshal Dr. Rashid Ahmed Prof. Madya Dr. Sharidan Bin Shafie
14.	Fakulti Tamadun Islam	Dr. Kamarul Azmi Bin Jasmi Dr. Bushrah Binti Basiron Prof. Madya Dr. Mohd Ismail Bin Mustari
15.	International Business School (UTM IBS)	Dr. Nomahaza Binti Mahadi Prof. Madya Dr. Nur Naha Binti Abu Mansor Prof. Dr. Wan Khairuzzaman Bin Wan Ismail
16.	Malaysia-Japan International Institute Of Technology (MJIT)	Prof. Madya Dr. Nor Azwadi Bin Che Sidik Prof. Dr. Ezzat Chan Bin Abdullah Dr. Mohamed Mahmoud El-Sayed Nasef
17.	UTM Razak School Of Engineering And Advanced Technology (RAZAK SCHOOL)	Prof. Dr. Shreeshivadasan A/L Chelliapan Prof. Madya Dr. Robiah Binti Ahmad Dr. Nurul Huda Binti Ahmad
18.	Sekolah Pendidikan Profesional & Pendidikan Berterusan (SPACE)	Dr. Samsudin Bin Ahmad Dr. Norhayati Binti Mohamed Nor

Anugerah Penerimaan

ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS

KATEGORI PUSAT KECEMERLANGAN UNIVERSITI (COE)

Bil.	Nama Fakulti	Nama Penerima
1.	Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC)	Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Bin Ismail Prof. Madya Dr. Mohd Hafiz Dzarfan Bin Othman Prof. Madya Dr. Juhana Binti Jaafar
2.	Centre Of Advanced Studies On Islam, Science And Civilisation (CASIS)	Prof. Dr. Tatiana Denisova
3.	Centre For Artificial Intelligence & Robotics (CAIRO)	Prof. Madya Dr. Hazlina Binti Selamat Dr. Yeong Che Fai Prof. Madya Dr. Ahmad 'Athif Bin Mohd Faudzi
4.	Centre For Engineering Education (CEE)	Prof. Madya Dr. Fatin Aliah Phang Binti Abdullah Dr. Aznah Binti Nor Anuar Prof. Dr. Khairiyah Binti Mohd. Yusof
5.	Ibnu Sina Institute For Scientific And Industrial Research (ISI-SIR)	Prof. Dr. Noriah Binti Bidin Dr. See Hong Heng Prof. Dr. Jalil Bin Ali
6.	Institute Of Bioproduct Development (IBD)	Prof. Dr. Ani Binti Idris Prof. Madya Dr. Chua Lee Suan Dr. Cheng Kian Kai
7.	Institute Of Future Energy (IFE)	Prof. Dr. Aishah Binti Abd. Jalil Prof. Dr. Zainal Bin Salam Prof. Dr. Arshad Bin Ahmad
8.	Institute Of High Voltage & High Current (IVAT)	Prof. Madya Dr. Mohamed Afendi Bin Mohamed Piah Dr. Zuraimy Bin Adzis Dr. Zulkarnain Bin Ahmad Noorden
9.	Institute Of Human Centered Engineering (IHCE)	Prof. Dato' Ir. Dr. Mohammed Rafiq Bin Abdul Kadir Dr. Saravana Kumar Jaganathan Prof. Dr. Ida Idayu Binti Muhamad
10.	Institute Of Noise And Vibration (INV))	Dr. Lim Meng Hee Prof. Dr. Azlan Bin Adnan Prof. Dr. Mohd Salman @ Leong Yew Mun

Anugerah Penerbitan

ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS

KATEGORI PUSAT KECEMERLANGAN UNIVERSITI (COE)

Bil.	Nama Fakulti	Nama Penerima
11.	Institute For Smart Infrastructures And Innovative Construction (ISIIC)	Prof. Madya Dr. Ahmad Safuan Bin A Rashid Prof. Dr. Edy Tonnizam Bin Mohamad Dr. Ahmad Kueh Beng Hong
12	Institute For Vehicle Systems And Engineering (IVeSE)	Dr. Chong Cheng Tung Prof. Madya Dr. Mohd Yazid Bin Yahya Prof. Madya Dr. Srithar A/L Rajoo
13	Research Institute For Sustainable Environment (RISE)	Prof. Madya Dr. Haslenda Bt. Hashim Prof. Dr. Zainuddin Bin Abd Manan Dr. Lim Jeng Shiun
14	UTM MPRC - Institute For Oil And Gas	Prof. Madya Dr. Noor Shawal Bin Nasri Prof. Madya Dr. Abdul Razak Bin Lebai Ismail Prof. Dr. Rahmat Bin Mohsin
15	Wireless Communication Centre (WCC)	Prof. Dr. Sharul Kamal Bin Abdul Rahim Dr. Leow Chee Yen Prof. Dr. Tharek Bin Abd Rahman

Anugerah Penerbitan
ANUGERAH SITASI TERTINGGI

KATEGORI FAKULTI

Fakulti Sains & Kejuruteraan

Fakulti/ CoE	Judul Artikel	Penulis	Jumlah Sitasi Terkumpul	Corresponding / UTM Auth.
ISI-SIR	Recent advances in new generation dye removal technologies: Novel search for approaches to reprocess wastewater	Ahmad A., Mohd-Setapar S.H., Chuong C.S., Khatoon A., Wani W.A., Kumar R., Rafatullah M.	91	Prof. Madya Dr. Siti Hamidah Binti Mohd Setapar
Geotropik	Prediction of pile bearing capacity using a hybrid genetic algorithm-based ANN	Momeni E., Nazir R., Jahed Armaghani D., Maizir H	46	Prof. Dr. Ramli Bin Nazir

Fakulti Sains & Teknologi

Fakulti/ CoE	Judul Artikel	Penulis	Jumlah Sitasi Terkumpul	Corresponding / UTM Auth.
ISI-SIR	Highly active Ni-promoted mesostructured silica nanoparticles for CO ₂ methanation	Aziz M.A.A., Jalil A.A., Triwahyono S., Mukti R.R., Taufiq-Yap Y.H., Sazegar M.R.	83	Prof. Dr. Sugeng Triwahyono
AMTEC	Size-controlled synthesis of SnO ₂ nanoparticles by sol-gel method	Aziz M., Saber Abbas S., Wan Baharom W.R.	36	Prof. Dr. Madzlan Bin Aziz

Anugerah Penjenamaan

FINALIS

Malaysia-Japan International Institute of Technology

MJIIT sebagai Fakulti antarabangsa UTM telah diwujudkan berdasarkan aspirasi kerjasama di antara Malaysia dan Jepun pada tahun 2010. Bertepatan dengan Anugerah Penjenamaan 2017 bagi Citra Karisma 2018, MJIIT sebagai sebuah institusi baru di UTM bukan sahaja di dalam usaha untuk memperkasa penjenamaan institusi malah termasuklah pemerkasaan kaedah pendidikan berasaskan orientasi pendidikan kejuruteraan Jepun (Japanese-oriented engineering education). Penglibatan aktif di dalam media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram serta penambahbaikan secara berkala di laman sesawang MJIIT telah berjaya meningkatkan keterlihatan MJIIT khasnya dan UTM amnya di peringkat nasional dan antarabangsa. Selain itu, MJIIT turut menambahbaik penggunaan logo rasmi UTM-MJIIT dan trademark UTM seperti #IAMUTM bagi menepati kehendak Universiti yang menekankan kebersamaan (togetherness) di dalam memperkasakan jenama Universiti secara keseluruhannya.

MJIIT, di peringkat antarabangsa memperoleh sokongan daripada 29 Japanese Universities Consortium (JUC) yang menjadi asas keserakanan UTM dan MJIIT dengan pihak Universiti Jepun di dalam bidang akademia dan penyelidikan. Hasrat MJIIT untuk mempromosikan pendidikan berasaskan orientasi pendidikan kejuruteraan Jepun telah dicapai melalui amalan kaedah Jepun termasuklah pelaksanaan iKohza bagi kumpulan penyelidikan, monozukuri di dalam amalan praktik kejuruteraan pembuatan, senpai-kohai yang menggalakkan sistem mentoring di antara senior dan junior dll. Pelajar MJIIT digalakkan untuk mengambil bahagian di dalam pelbagai inisiatif akademik termasuklah penyeliaan bersama dengan penyelia luar negara dan penulisan artikel berwasit dengan penyelia berkenaan.

Staf akademik MJIIT telah menunjukkan pencapaian cemerlang di dalam pelbagai bidang pengiktirafan dan penganugerahan di peringkat nasional dan antarabangsa. Para pelajar MJIIT mengambil inspirasi yang sama di dalam memacu kecemerlangan akademik selaku duta MJIIT melangkaui lingkungan UTM. MJIIT amat berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang telah dinobatkan pada tahun 2017 dan berharap agar pencapaian ini dapat diteruskan pada tahun mendatang.

Pencapaian MJIIT di dalam memperkasa penjenamaan dan meningkatkan keterlihatan MJIIT secara offline dan online telah dapat dicapai berdasarkan pelbagai aktiviti. Laman web MJIIT mencapai jumlah pelawat sebanyak 723,788 orang sepanjang tahun 2017. MJIIT menggunakan logo rasmi UTM-MJIIT di dalam pelbagai platform komunikasi dan telah mempunyai pengiklanan billboard pada dua lokasi hotspot bagi pengguna lebuh raya dan jalanraya utama di sekitar Lembah Klang. Pencapaian MJIIT direkodkan secara berkala di dalam penerbitan majalah The Grads, Noborizaka dan buletin JICA. Penggunaan aktif media sosial untuk tujuan promosi turut melibatkan penggunaan video, media, gambar dan aplikasi digital secara berkala selain penglibatan khas staf akademik bagi program TV, temuramah akhbar semasa. Selain itu, penganjuran aktiviti berimpak tinggi seperti Japan Day yang dihadiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi dan Duta Jepun ke Malaysia telah memerikan impak yang tinggi kepada keterlihatan MJIIT.

Pencapaian tertinggi MJIIT di dalam usaha penjenamaan dapat dinilai berdasarkan ukuran keterlihatan MJIIT di media sosial dengan peningkatan bilangan followers daripada 3977 pada tahun 2016 kepada 5346 pada tahun 2017 di Facebook rasmi MJIIT. MJIIT mempunyai bilangan followers Facebook tertinggi berbanding Fakulti lain di UTM. Selain itu, jumlah pengambilan pelajar pra-siswazah telah meningkat ke 90.5% hasil promosi program akademik secara aktif secara offline dan online. MJIIT turut mempunyai hubungan keserakanan yang rapat dengan pihak Kedutaan Jepun di Malaysia berdasarkan aktiviti lawatan yang telah dijalankan ke Kediaman Rasmi HE Dr Makio Miyagawa selain kehadiran beliau ke program Japan Day 2017 di MJIIT. MJIIT turut menerima kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi di dalam pelbagai program anjuran MJIIT dan UTM Kuala Lumpur.

Anugerah Teknologi Maklumat

FINALIS Fakulti Pendidikan

Fakulti Pendidikan (FP) ditubuhkan sejak Ogos 1993 dan menawarkan pelbagai program pendidikan di peringkat ijazah pertama sehingga peringkat sarjana (Msc) dan kedoktoran (PhD). FP sentiasa komited dalam meneroka kaedah terkini menerusi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, dan penyampaian maklumat. Perancangan strategik ICT FP adalah termasuk dalam enam aspek iaitu:

- Penerbitan
- Penyelidikan
- Inovasi
- Pengurusan Dan Perancangan Sumber Manusia
- Pengurusan Akademik
- Ranking & Pengantarabangsaan



Fakulti Pendidikan mempunyai 27 makmal, 17 bilik kuliah dan 2 bilik Student Centered Learning (SCL) yang dilengkapi oleh kemudahan ICT seperti komputer, LCD Projektor, Printer dan talian internet untuk kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Pihak pengurusan memberikan sepenuhnya sokongan bagi menaiktaraf peralatan dan perisian ICT selaras dengan perkembangan semasa menggunakan peruntukan Tabung fakulti yang dikumpul menerusi pelbagai aktiviti penajaan kewangan. Staf fakulti turut menyumbang kepada UTM dengan menguruskan rakaman video secara langsung untuk

Konvokesyen UTM, 2 kali setahun serta Perjumpaan Bulanan Naib Cancellor setiap bulan.

Pelbagai kajian melibatkan pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi terkini serta sistem sokongan pendidikan turut dilaksanakan oleh staf dan pelajar FP. Fakulti turut menggalakkan penerbitan berbentuk prosiding bagi Laporan Projek Sarjana Muda dan Laporan Projek Sarjana (Kajian Pendidikan Kerja Kursus) menggunakan sistem pengurusan yang sistematik.



Bagi memastikan hebahan maklumat mengenai pelbagai aktiviti di Fakulti disampaikan kepada pelbagai lapisan pengguna, kemudahan Laman web dan Media Sosial digunakan sepenuhnya. Sehingga kini, FP mempunyai lebih 10,000 pengikut dalam laman facebook dan lebih 9000 laman web yang diindeks oleh google sekaligus membantu webometrik UTM. Aplikasi gmail, google group, whatsapp dan telegram turut digunakan sepenuhnya bagi penyampaian maklumat terkini kepada pelajar dan staf.

Fakulti turut membangunkan pelbagai sistem untuk kemudahan staf, pelajar dan proses pengajaran dan pembelajaran seperti sistem e-Instrumen, ePusat Sumber, Data Web Aka dan Six Secret. Sistem Pengurusan Latihan Mengajar yang dibangunkan bagi memudahkan urusan penyeliaan pelajar oleh guru dan pensyarah di seluruh Malaysia pernah memenangi Anugerah Inovasi Naib Cancellor pada tahun 2015. Pada tahun 2017 pula, sistem eProjek yang dibangunkan bagi membantu urusan penyeliaan pelajar sarjana kerja kursus yang mengambil kursus Penyelidikan Pendidikan 1 dan 2 telah menerima hadiah penghargaan Anugerah Inovasi Naib Cancellor.

Anugerah Teknologi Maklumat

FINALIS Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)

Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) merupakan sebuah pusat yang memantau dan merumuskan dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan pengajian pasca-siswazah serta bekerjasama dengan fakulti di UTM dalam membangunkan dan meningkatkan kualiti pendidikan pasca-siswazah. SPS terletak di bangunan F54, Kampus UTM Johor Bahru, manakala cawangannya di Menara Razak, Kampus UTM Kuala Lumpur. Lokasinya yang sangat dekat dengan Pusat Pelajar Antarabangsa sekaligus memastikan interaksi yang lebih baik dengan pelajar pasca-siswazah antarabangsa.

Pengurusan ICT di SPS diuruskan oleh Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (BTMK) dan melapor terus kepada Dekan SPS bagi tahun 2017. BTMK diketuai oleh Pengurus Teknologi Maklumat dan beberapa orang staf iaitu Pegawai Teknologi Maklumat (F41), Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29) dan Juruteknik Komputer (F17). Setiap staf BTMK telah diagihkan tugas mengikut skop masing-masing bagi memastikan pengurusan ICT berjalan lancar. Perkhidmatan ICT merupakan antara perkhidmatan utama di SPS yang diberikan kepada pelajar pasca-siswazah, staf (termasuk di SPS dan fakulti) dan individu luar. Kemudahan ICT yang diberikan terbahagi kepada 8 kategori sepertimana rajah di bawah.

BTMK di SPS menggunakan Polisi & Peraturan ICT yang dikeluarkan oleh pihak CICT UTM. Oleh itu, setiap proses kerja di BTMK adalah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dan sentiasa ke arah penambahbaikan. Pelan Strategik SPS sentiasa mengambilkira skop ICT dalam memastikan perkhidmatan ICT yang diberikan sentiasa komprehensif dan sekaligus memperkasakan ICT dalam tugas harian. Selain sentiasa berusaha menambah-nilai dan meningkatkan produktiviti dalam penggunaan ICT di SPS seperti penggunaan aplikasi Google (Google Calendar, Google Sheet, Google Form), Document Management System dan sebagainya, pihak SPS juga menyokong program penajaan pendapatan dan penjimatan dalam membantu pengurusan kewangan universiti seperti sewaan makmal komputer dan video conference kepada

individu luar, membangunkan sistem secara in-house dan sebagainya.

Selain itu, ICT SPS juga sentiasa memberi sumbangan tidak kira samada dalam atau luar UTM termasuklah memberi kemudahan kepada pelajar dan fakulti tanpa sebarang caj seperti kemudahan video conference dalam pembentangan Viva, Student Workspace beserta rangkaian internet dan juga perkhidmatan yang diberikan semasa Pendaftaran Pelajar dan Majlis Konvokesyen UTM. Disamping itu, ICT SPS juga sentiasa ke arah teknologi terkini terutama dalam pembangunan sistem, pembelian peralatan IT dan penggunaan aplikasi. Antara teknologi terkini adalah menggunakan Bahasa Pengaturcaraan ASP .Net dan pangkalan data Oracle sepertimana di CICT, menggunakan kabel HDMI bagi semua projector agar paparan lebih jelas dan penggunaan aplikasi WhatsApp, Facebook dan Web Conference sebagai medium komunikasi secara meluas.



Anugerah Teknologi Maklumat
FINALIS
ANUGERAH WEBOMETRICS KATEGORI AKADEMIK
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) sentiasa komited untuk mempertingkatkan kaedah pengurusan dan penyampaian maklumat selaras dengan visi untuk menjadikan penggunaan ICT di dalam pengurusan organisasi sebagai sesuatu yang mudah, membantu dan dipercayai, serta misi untuk memastikan proses penyampaian maklumat dan pelaksanaan dasar serta polisi di dalam pengurusan organisasi berlaku dengan lancar, mudah dan efektif melalui fasiliti dan prasarana ICT yang berkualiti. Oleh yang demikian, Unit IT dan Unit Informasi & Multimedia telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan kerja-kerja berkaitan ICT di fakulti.

Sistem yang telah dibangunkan dan sentiasa ditambahbaik untuk melancarkan pengurusan:


- Responsive Website
- Postgraduate Online System (POS version 2.1)
- Staff Information Management System (SIMS version 1.1)
- Course Information Management System (CoS version 1.1)
- Exam Management System (EMS version 1.2)
- IoT Based Smart Access Door (Axses version 1.0)



Sebagai langkah merealisasikan pengurangan kebergantungan kepada pengguna kertas serta mempercepatkan proses memperoleh maklumat, beberapa borang secara talian telah digunakan, seperti:

- Final Year Projects Online Forms
- Alumni Survey Form
- Student Exit Survey

- SAR Submission Form
 - Employer Survey Form
 - IAP Feedback Form
 - Industrial Talk & Visit Application Form
- Fakulti juga sentiasa memastikan fasiliti dan perkhidmatan



yang ditawarkan dapat memuaskan pengguna. Video Conference System, Makmal Komputer, Digital Signage, Rekabentuk Web, Rekabentuk Multimedia, Penyambungan Fiber, Membaikpulih peralatan IT, Penyelenggaraan dan pemantauan keselamatan server. Untuk tujuan pemasaran dan penyampaian maklumat secara berkesan kepada pemegang taruh dan pihak luar beberapa kaedah digunakan:

Facebook Pages – Faculty of Electrical Engineering, FKE Circle, Department CMED, POWER, ECE dan COMM, Research Groups (Advanced Telecommunication Technology), Google Sites untuk laman web staf akademik, Email, Google Scholar, Research Gate, UTM Scholar, Telegram, Whatsapp, Youtube Fakulti sentiasa menambahbaik perkhidmatan ICT sejajar dengan perkembangan teknologi agar memenuhi kehendak pemegang taruh dan pihak luar.



Anugerah Teknologi Maklumat
FINALIS
ANUGERAH WEBOMETRICS KATEGORI AKADEMIK
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Fakulti kejuruteraan Mekanikal (FKM) merupakan sebuah fakulti dari gagasan fakulti kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sejarah penubuhannya yang seiring dengan perkembangan universiti sekaligus telah mengheret bersama banyak pengalaman dalam bidang pendidikan kejuruteraan.

Peralihan mod pendidikan dari penyebaran maklumat secara tradisional ke penggunaan alatan moden seperti penggunaan IT telah mula dipraktikkan lama dulu. Apa pun penyebaran maklumat secara cepat kepada masyarakat sekeliling menjadi sangat penting terutamanya 'pelanggan langsung' fakulti.

FKM memulakan langkah sebaran maklumat dengan mengadakan satu platform di pelayan sendiri dan seterusnya beralih-langkah ke platform pelayan universiti bagi paparan yang standard. Pembangunan web fakulti dan web staf menjadi aspek penting terutamanya dalam menangani pengajaran & pembelajaran abad ini, pengurusan & pemasaran juga hal-hal lain yang berkaitan. Baginilah caranya fakulti dapat memaklumkan segala bentuk aktiviti terkini dan juga yang bakal menjelang kepada staf dan pelajar khususnya. Web yang dibentuk bukan sahaja berperanan bagi sebaran maklumat kepada pelanggan, malah ianya juga adalah platform urusan akademik seperti bahan-bahan pengajaran, pemarkahan OBE dalam talian, jadual waktu, projek tahun akhir, e-library, kajiselidik, promosi penyelidikan serta kepakaran staf fakulti. Rangkaian web pelbagai tapak yang diintegrasikan benar-benar membantu mencapai matlamat FKM.

Antara ciri-ciri web yang diperkenalkan adalah;

1. Laman web yang berbentuk "visual-based" yang mampu menarik perhatian pelawat.
2. Akses maklumat web dari tapak-tapak berlainan yang diintegrasikan.
3. Luncuran maklumat terkini di muka depan.
4. Empunya memasukkan sendiri data dan maklumat bagi memastikan ketepatan dan terkini.
5. Integrasi aplikasi yang membolehkan penyalaras dan penyarah kursus berkomunikasi bagi rekod bahan pengajaran dan pemarkahan bagi tujuan "course review report".

6. Muat-turun bahan-bahan tersedia dan juga isian atas talian seperti borang-borang digital dan kajiselidik.
7. Laman web penyarah dengan kemudahan maklumbalas bagi memenuhi permintaan yang responsive.

Ulasan ini adalah hasil dari rujukan dari web-web berikut;

1. mech.utm.my
2. mech.utm.my/<fkm_users>
3. fkm.utm.my/<~fkm_users>
4. pmaya.fkm.utm.my/onlineregister dan web-web di bawahnya



Anugerah Teknologi Maklumat

FINALIS

ANUGERAH WEBOMETRICS KATEGORI AKADEMIK

Fakulti Sains

Sejarah Fakulti Sains bermula dengan penubuhan Pusat Pengajian Sains (PPS) pada tahun 1972 di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Pada mulanya Pusat Pengajian Sains mengendalikan pengajaran dalam bidang Fizik, Kimia, dan Matematik bagi Fakulti Kejuruteraan di Institut Teknologi Kebangsaan (ITK). Pada tahun yang sama Kursus Diploma Sains dan Pendidikan diwujudkan di bawah pengendalian PPS dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. PPS telah dinaiktaraf sebagai fakulti dengan nama Fakulti Sains (FS) pada tahun 1981. Pada tahun 1987 Fakulti Sains mula mengendalikan Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Industri (SSI) dengan penawaran kursus dalam bidang Fizik, Kimia dan Matematik. Pada tahun berikutnya, 1988, Fakulti Sains berpindah ke Kampus Skudai, Johor. Setelah itu FS banyak mengalami penambahbaikan dari segi akademik, fasiliti, staf dan mahasiswa.

Penstrukturan semula FS mewujudkan tiga jabatan utama iaitu Jabatan Kimia, Jabatan Fizik dan Jabatan Matematik, dengan tambahan satu institut kecemerlangan iaitu ISI-SIR (Ibnu Sina Institute for Scientific and Industrial Research) dan 3 pusat penyelidikan iaitu CsNano (Centre for Sustainable Nanomaterials), Pusat Laser dan CIAM (Centre for Industrial and Applied Mathematics). Fakulti Sains menawarkan program pra siswazah dan pasca siswazah dengan mod pembelajaran kerja kursus dan penyelidikan. FS mempunyai misi dan visi jelas dalam memperkayakan harta intelek bidang sains dan matematik. FS juga ternyata penting dalam jaringan sistem pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan banyak menyumbang dalam bidang sains dan matematik.

Pelaksanaan, fungsi dan peranan ICT Fakulti Sains adalah seperti berikut:

- i) Merancang, membangun dan mengawalselia inisiatif-inisiatif ICT seperti penyediaan prasarana pengkomputeran, pembangunan sistem aplikasi, pengurusan perolehan perkakasan dan perisian, penyenggaraan, latihan dan sokongan dalam bidang ICT dan pelupusan perkakasan ICT.
- ii) Membangun, menyenggara, mengemaskini laman WEB Fakulti Sains dan menyelaras laman WEB jabatan-jabatan (PTJ) di bawah Fakulti Sains.
- iii) Membangunkan dan menyenggara prasarana rangkaian komunikasi ICT berwayar dan tanpa wayar.
- iv) Membangunkan serta menyenggara sistem-sistem ICT (perkakasan dan perisian) bagi menyokong fungsi-fungsi operasi dan pengurusan.
- v) Memberikan khidmat sokongan dan latihan bagi memastikan operasi-operasi sistem ICT (perkakasan dan perisian) berjalan lancar.
- vi) Bertanggungjawab memastikan sistem-sistem ICT (perkakasan dan perisian) selaras dengan OSHE.

- vii) Bertanggungjawab memastikan keselamatan, integriti data-data dan komunikasi berdasarkan polisi ICT yang telah diwartakan oleh pihak CICT UTM khususnya dan negara (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) amnya.
- viii) Menyokong penyediaan bahan media kreatif seperti slides, banner, poster, bunting, video ringkas dan lain-lain untuk sebarang aktiviti rasmi Fakulti (contohnya AKA, KAI, audit, lawatan, konvokesyen)
- ix) Menyokong usaha-usaha dalam meningkatkan penjenamaan dan jaringan Fakulti Sains terutamanya kepada pemsyarah-pemsyarah dari segi pembangunan website peribadi, research groups, Google Scholars, Research Gate dan sebagainya.

Penerangan laporan (web). Antara ciri-ciri web yang telah digunapakai ialah:

- i) Menggunakan slider bergambar dengan memaparkan gambar bangunan Fakulti Sains dan yang berkaitan dengannya agar dapat menarik minat pengunjung terutama sekali yang baru pertama kali melawat web.
- ii) Laman web yang mesra pengguna dan tidak terlalu padat tetapi masih berinfomasi.
- iii) Menyusun dengan tertib maklumat-maklumat penting di Tab Menu supaya pengunjung dapat mencari maklumat dengan mudah.
- iv) Menggunapakai paparan ikon interaktif yang bersesuaian.
- v) Menyediakan kemudahan muat turun dokumen-dokumen yang diperlukan seperti borang pergerakan staf, pemakluman-pemakluman penting, pekeliling, polisi dan panduan.
- vi) Penggunaan template yang mesra gadget.
- vii) Membuat penetapan facebook timeline bagi Pages Fakulti Sains dipaparkan terus ke web.
- viii) Menyediakan platform Aduan Kerosakan IT, Peminjaman Peralatan IT, Sewaan Peralatan IT, Permohonan Petugas IT dan Permohonan Website secara atas talian.



Anugerah Teknologi Maklumat

FINALIS

ANUGERAH WEBOMETRICS KATEGORI BUKAN AKADEMIK

Pejabat Pendaftar


Pejabat Pendaftar merupakan antara jabatan utama dalam pengurusan pentadbiran Universiti. Pejabat Pendaftar juga merangkumi beberapa bahagian yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada Universiti termasuk perkhidmatan pengurusan staf, pembangunan staf, keselamatan staf sehinggalah kepada kebajikan staf. Keperluan untuk menyalurkan pelbagai maklumat serta makluman kepada semua warga Universiti merupakan sesuatu yang amat penting agar penyaluran maklumat tersebut dapat berjalan lancar serta boleh dijadikan panduan kepada semua warga Universiti. Oleh yang demikian, pembangunan Laman Web amat penting agar penyaluran maklumat-maklumat berkenaan dapat diakses sentiasa, dimana-mana dan pada bila-bila masa.

Penghasilan Laman Web Pejabat Pendaftar telah pun bermula pada tahun 2000 dan sehingga kini telah pun melalui pelbagai perubahan struktur serta penggunaan aplikasi *Content Management System* (CMS). Ianya dimulakan dengan penggunaan pengaturcaraan klasik laman web, *Joomla* dan yang terkini menggunakan *WordPress*. Unit Teknologi Maklumat, Pejabat Pendaftar (Unit IT) memainkan peranan utama bagi penyaluran pembangunan serta penambahbaikan laman web Pejabat Pendaftar tersebut.

Pejabat Pendaftar amat menitik beratkan penghasilan laman webnya sehingga mewujudkan Jawatankuasa Laman Web Pejabat Pendaftar (JKWeb) yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari setiap bahagian di dalam Pejabat Pendaftar. Bagi memperkuatkan lagi pasukan teknologi maklumat (ICT) di Pejabat Pendaftar, *IT Buddy* telah diwujudkan di setiap bahagian bagi menyokong aktiviti-aktiviti berkaitan ICT termasuk untuk memperkasa laman web Pejabat Pendaftar. Sehingga kini, seramai lebih 20 orang staf dari pelbagai lapisan gred jawatan telah dilantik sebagai *IT Buddy*. JKWeb Pejabat Pendaftar sentiasa memainkan peranan agar laman web Pejabat Pendaftar sentiasa dikemaskini agar dapat menyajikan maklumat-maklumat yang terkini dan benar. Segala permasalahan yang diterima akan diambil berat dan tindakan segera akan diambil agar maklumat yang wujud di dalam laman web tersebut adalah yang terkini.

Unit IT Pejabat Pendaftar telah menjalankan soalselidik berkaitan Laman Web Pejabat Pendaftar pada tahun 2015 dan 2016 bagi mendapatkan maklumbalas berkaitan maklumat serta 'Look & Feel' Laman Web Pejabat Pendaftar. Hasil dari soalselidik

tersebut, Laman Web Pejabat Pendaftar telah dikemaskini dan ditukar 'platform' serta 'theme' sekali lagi pada tahun 2017 agar ianya sejajar dengan perkembangan semasa dan juga mengikut garis panduan seperti yang dikehendaki oleh pihak Universiti. Pejabat Pendaftar sentiasa berhubung rapat bersama pihak Unit Web Universiti agar segala perancangan pembangunan dan penambahbaikan laman web adalah sejajar dengan keperluan Universiti. Sehingga kini, laman web Pejabat Pendaftar telah melalui empat kali perubahan major bagi memantapkan lagi Laman Web Pejabat Pendaftar. Pejabat Pendaftar juga telah menjadi finalis bagi Anugerah Teknologi Maklumat (Webometrics) Bukan Akademik bagi tahun 2014.



FINALIS
ANUGERAH WEBOMETRICS KATEGORI BUKAN AKADEMIK
Penerbit UTM Press


Penerbit UTM Press ditubuhkan pada 23 September 1986. Penubuhannya didorong ke arah menyediakan bahan bacaan ilmiah ekoran bahasa Melayu digunakan sepenuhnya di IPT pada tahun 1983. Pada awal penubuhan, Penerbit UTM Press dikenali sebagai Unit Penerbitan Akademik dan dinaik taraf sebagai Pejabat Penerbit UTM pada 1994 dan mengkhusus kepada penerbitan akademik dibawah pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Bermula 2010 Penerbit UTM dikenali sebagai Penerbit UTM Press selaras dengan pengiktirafan UTM sebagai Universiti Penyelidikan bagi memperkasa hasil penyelidikan melalui penerbitan. Penjenamaan ini juga bertujuan untuk memudahkan carian Penerbit UTM Press di alam maya.

Penerbit UTM Press sentiasa bergerak seiring dengan misi dan visi universiti untuk menjadi penerbit ilmiah terkemuka. Justeru, bagi memenuhi kehendak pelanggan masakini yang memerlukan maklumat dan perkhidmatan yang pantas dan berkesan, maka laman sesawang Penerbit UTM Press diwujudkan seawal tahun 2000. Dalam tempoh tersebut penambahbaikan yang berterusan sentiasa dilaksanakan oleh Pengurusan Penerbit UTM Press. Selari dengan hasrat "maklumat dihujung jari", pengguna boleh mengakses pelbagai maklumat bermula dari kaedah penghantaran manuskrip untuk diterbitkan dalam pelbagai bentuk sehingga kaedah membeli di atas talian. Pembelian atas talian dapat dilakukan melalui pautan www.booksonline.my yang diselenggara sepenuhnya oleh Penerbit UTM Press.

Selari dengan perkembangan teknologi dalam penerbitan digital, Penerbit UTM Press telah berjaya mendigitalkan hasil penerbitannya. Terbitan digital ini boleh juga diperolehi melalui laman sesawang ini. Pendigitalan ini dijangka dapat memberikan nilai tambah kepada hasil pendapatan Universiti pada masa akan datang dan menyokong usaha memperkasakan repositori ilmiah universiti. Selain itu, laman sesawang ini turut menyediakan capaian ke atas UTM eJournal, merangkumi 16 jurnal yang disenggara oleh Penerbit UTM Press. UTM eJournal merupakan wadah UTM dalam menerbitkan artikel berkualiti.

Jurnal Teknologi yang merupakan jurnal terindeks dalam SCOPUS dan ESCI-WOS mempunyai akses yang tinggi dari dalam dan luar negara.

Laman sesawang Penerbit UTM Press juga menyediakan maklumat berkaitan kejayaan yang dicapai oleh Penerbit UTM Press dalam pelbagai bidang yang dimenangi semenjak penubuhannya, maklumat terkini projek yang dilaksanakan seperti penganjuran sayembara novel fiksyen sains dan teknologi UTM-Kumpulan Utusan, maklumat pameran dan jualan, maklumbalas pelanggan serta yang berkaitan. Hasil usaha keras pengurusan Penerbit UTM Press yang sentiasa peka dengan perkembangan dan keperluan semasa, maka tidak hairanlah Laman sesawang www.penerbit.utm.my pernah memenangi Anugerah webometric UTM bagi Kategori Laman Sesawang Bukan Akademik pada tahun 2010 dan tersenarai sebagai finalis bagi kategori yang sama pada tahun 2016.



Anugerah Teknologi Maklumat

FINALIS

ANUGERAH WEBOMETRICS KATEGORI BUKAN AKADEMIK Perpustakaan UTM

Sejajar dengan aspirasi universiti dalam meningkatkan penyampaian berprestasi tinggi, Perpustakaan UTM komited dalam menyokong pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan di UTM melalui portal utama Perpustakaan UTM yang berperanan sebagai "One Stop Search" kepada koleksi dan sumber maklumat perpustakaan UTM secara atas talian.

Portal ini bukan sahaja berperanan di dalam peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains dan teknologi, malah ianya juga berfungsi sebagai pusat sumber maklumat secara dalam talian yang efisien, berkualiti dan terkini kepada pengguna perpustakaan serta masyarakat umum.


Capaian tanpa henti 24 jam sehari dan 7 hari seminggu, Portal Perpustakaan yang menyambungkan pengguna kepada sistem utama Perpustakaan UTM seperti Katalog Atas Talian (OPAC-LESTARI), Sistem Pengurusan Dokumen Perpustakaan (DMS), Sistem UTM-IR, dan Pangkalan Data Langgan Perpustakaan (Online Databases), telah menjadikan Portal Perpustakaan sebagai 'centralized knowledge' yang menghubungkan pengguna kepada setiap maklumat yang terdapat di Perpustakaan UTM dengan cepat dan efisien. Di dalam menyokong kaedah pendidikan fleksible dan berkualiti melalui 'self-directed learning', Perpustakaan UTM juga telah mengambil inisiatif menyediakan panduan interaktif di dalam format video yang menarik di Portal Perpustakaan untuk tontonan pengguna mengetahui kaedah pencarian maklumat koleksi perpustakaan dengan lebih berkesan serta menyebarkan kemudahan perkhidmatan atas talian yang disediakan untuk pengguna perpustakaan melalui tayangan video tersebut.

Portal Perpustakaan juga menyediakan galeri digital dan galeri media sebagai saluran yang efektif dalam mempamer, mempromosi serta menyebarkan program yang dilaksanakan oleh perpustakaan dan universiti secara aktif serta boleh diakses bukan sahaja diperingkat kebangsaan, malahan diperingkat global.

Justeru itu, dalam memastikan pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan bagi Portal Perpustakaan, AJK Portal yang terdiri daripada Pustakawan telah menjalankan kerjasama yang baik di antara Perpustakaan UTM dengan Pejabat Hal Ehwal Korporat, UTM. Impak kepada keberkesanan fungsi portal ini, Perpustakaan UTM telah diiktiraf melalui Anugerah Teknologi Maklumat-Anugerah Webometric bagi Kategori Bukan Akademik untuk empat tahun berturut-turut mulai mula 2012 sehingga 2015.



Portal utama Perpustakaan boleh dicapai melalui url <http://www.library.utm.my>



Konsep 'self-directed learning' melalui panduan interaktif di Portal Perpustakaan

Galeri Muzium Digital di Portal Perpustakaan

Anugerah Teknologi Maklumat

FINALIS
ANUGERAH WEBOMETRICS
KATEGORI INDIVIDU

Dr. Mohd Nihra Haruzuan Bin Mohamad Said



Mohd Nihra Haruzuan Mohamad Said, PhD (The University of Waikato), merupakan seorang pensyarah kanan di Universiti Teknologi Malaysia. Minatnya disandarkan kepada Teknologi Pendidikan, Sistem Pengurusan Pembelajaran Maya,

Pembelajaran Atas Talian, Pembelajaran Berasaskan Multimedia dan Media Baru dalam Pendidikan. Beliau mempunyai 14 tahun pengalaman dalam Pendidikan dan Teknologi di United Kingdom, New Zealand, Australia dan Singapura.

Anugerah Kualiti

Finalis Anugerah Kualiti Akademik

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM



Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) merupakan fakulti pertama berjaya mendapat pensijilan ISO 9001:2015 pada tahun 2017 untuk pengurusan akademik pra dan pasca siswazah serta pengurusan pentadbiran. Pada tahun yang sama juga, Makmal Civil Engineering Testing Unit (CETU) berjaya mendapat pensijilan ISO 17025, satu-satunya makmal yang mendapat pengiktirafan di UTM, yang menyumbang markah penuh MyRA UTM untuk seksyen akreditasi makmal.

Hasil daripada amalan ISO, FKA telah menunjukkan peningkatan prestasi dan kualiti akademik yang amat ketara pada tahun 2017. FKA telah diiktiraf oleh QS World University Rankings sebagai Top 51-100 dalam kategori Civil & Structural Engineering Subjects berbanding dengan kedudukan 100-150 pada tahun sebelumnya. FKA terus menerajui kecemerlangan akademik melalui Pengiktirafan Program Pengajian untuk 5 tahun Tanpa Syarat oleh Engineering Accreditation Council (EAC). Pengiktirafan ini menunjukkan FKA sangat komited dan

cemerlang dalam mengendalikan program pengajian Kejuruteraan Awam. Pelaksanaan ISO juga memberikan kebaikan menyeluruh dalam memudahkan staf akademik melaksanakan pengajaran dan penilaian pembelajaran berasaskan pencapaian pelajar. Amalan ISO juga dapat meningkatkan kecekapan staf pelaksana contohnya proses kenaikan pangkat staf akademik oleh Bahagian Sumber Manusia dapat dilaksanakan dengan baik dan efektif. Hasilnya, FKA adalah di antara fakulti yang cemerlang dalam pengurusan PSM.

Pelaksanaan ISO dalam mengawal kualiti graduan FKA dipertingkatkan melalui sistem iCGPA, exit test dan report card. FKA telah dipilih oleh Universiti sebagai perintis untuk projek pembangunan sistem iCGPA, satu sistem penggredan bersepadu untuk menilai dan melapor prestasi akademik pelajar. Sistem ini telah mula digunapakai oleh pelbagai fakulti di UTM. FKA juga telah memainkan peranan penting dalam membantu Universiti untuk mencapai 5 Bintang dalam Audit SETARA. Kerjasama yang amat baik telah diberikan oleh pelajar FKA yang mempunyai semangat dan jati diri yang tinggi sepanjang Audit SETARA dijalankan. FKA turut aktif dalam melaksanakan projek perkongsian ilmu dan program kemasyarakatan ke seluruh Malaysia. Di antaranya, Projek Transformasi Luar Bandar Integrasi Vortex Hidro dan aktiviti ekonomi di Pos Lemoi Cameron Highlands, Projek Simenfero, Projek Pembersihan Sungai Gunung Pulai dan Projek Penanaman Pokok Bakau di Kukup.

FKA akan terus komited dalam merancang, melaksana dan menambahbaik secara berterusan pengurusan akademik dan pentadbiran, supaya lebih berkualiti dan berimpak tinggi melalui amalan ISO.



Anugerah Kualiti

Finalis Anugerah Kualiti Akademik
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK



Siti A'iyah Sulaimi
sitiayiah@metro.com.my

■ UTM cipta sejarah dinobatkan juara pertandingan ROBOCON 2016 di Bangkok

Sejang

Sajak 15 tahun lalu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tidak pernah merangkai juara pada pertandingan tahunan APU Asia-Pacific Robot Contest (ROBOCON), namun institusi pengajian tinggi berkenaan sentiasa yakin dengan kebolehan penuntut serta penyarahnya. Akhirnya, Ahad lalu, sejarah tercipta apabila UTM dinobatkan juara pertandingan ROBOCON 2016 di Bangkok, Thailand.

UTM yang diwakili enam penuntut diahang peng-syarah, Ir. Dr Mohd Ridwan Ahmad serta penuntut lain yang bertanggungjawab daripada aspek teknikal.

Kesemuanya penuntut Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Pengkomputeran (FC) dan Fakulti Pendidikan.

Wakil peserta, Lim Wen Jin, 21, berkata, saat paling tidak dapat dilupakan ialah apabila perlu mengang se-mula pertandingan pada pe-

ringkat akhir ketika bertemu dengan pasukan dari China disetelah masalah teknikal.

"Walaupun letih selain berdepan dengan masalah, kami tetap fokus dan berusaha selesa upaya untuk memenangi yang terbaik."

"Pena'at lelah itu berbaloi apabila juri mengumumkan keputusan berpihak kepada Malaysia dan sudah tentu kami gembira kerana ini julung kali UTM menjuarai ROBOCON," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

(KLIA) selepas tiba dari Bangkok jam 9:20 malam tadi.

Hadir menyambut legu-langan mereka ialah Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Kementerian Pendidikan Prof Madya Dr Sorjan Bungas dan Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur Prof Dr Durrisah Idrus.

Menyerusi pertandingan itu, Malaysia menewaskan India pada suku akhir dan Indonesia di peringkat se-paruh akhir untuk bertemu China yang menewaskan Vietnam serta Jepun.

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknologi Malaysia adalah peneraju pengajian tinggi dan penyelidikan termaju dalam bidang Elektrik dan Elektronik (E&E) di Malaysia. Program akademik dan penyelidikan di FKE meliputi spektrum bidang kejuruteraan elektrik yang luas terutamanya dalam bidang kejuruteraan komunikasi, elektrik kuasa, elektronik, komputer, kawalan dan mekatronik. FKE didukung oleh 168 kakitangan akademik yang berkualiti (89% graduate faculty, 21 jurutera profesional, dan 10 Chartered Engineers). FKE menawarkan program-program prasiswazah dan pascasiswazah yang berdaya saing dan selari dengan keperluan kurikulum abad ke-21 dan Industri 4.0. FKE sentiasa komited untuk menyediakan program pengajian yang berkualiti, sentiasa menitik-beratkan kualiti dan sentiasa berusaha untuk melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang cekap, berkesan dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan kualiti secara berterusan (continuous quality improvement CQI). Bagi menyokong bidang fokus utama Universiti, FKE mengamalkan pelbagai amalan terbaik bagi tahun 2017 termasuk tiga amalan terbaik utama bagi kelestarian kerjasama erat akademia-industri demi melahirkan modal insan yang holistik dan berketramplan serta meningkatkan peratusan Graduate Employability di samping

meningkatkan visibility dan mengukuhkan branding FKE/UTM di persada kebangsaan dan antarabangsa.

Pertama, sejak tahun 2005, FKE telah membangunkan dan menawarkan program Sarjana Kejuruteraan (Komputer dan Sistem Mikroelektronik) secara kerja kursus dengan kerjasama pihak Intel Microelectronic (M) di Pulau Pinang. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada pihak Intel, di mana FKE telah diberi mandat untuk penubuhan pusat pembelajaran baharu di Kulim. Sehingga kini, program ini telah menggraduankan seramai 168 graduan. Kedua, pelaksanaan Projek Sarjana Muda (PSM) di FKE melalui Program Electrical Engineering Symposium (EES2017) menekankan penglibatan pihak industri dan alumni di mana panel penasihat industri dan alumni FKE telah dilantik sebagai panel penilai EES2017. Ketiga, Program How To Get Yourself Employed (HTGYE) di FKE adalah unik dan pertama di UTM dikelolakan dengan penglibatan sepenuhnya oleh pihak industri di mana semua modul disampaikan oleh pihak industri dari kalangan syarikat nasional dan multinasional. Sesi temuduga sebenar dijalankan menggantikan sesi latihan temuduga seperti yang diamalkan oleh Fakulti lain dan hasilnya, seramai 116 pelajar tahun akhir telah berjaya ditawarkan pekerjaan sebelum tamat pengajian pada HTGYE tahun 2016 dan 2017. Hubungan kerjasama FKE-Industri dikukuhkan melalui program Strategic CSR dengan kerjasama pihak Seagate International (Johor) dalam siri Bengkel Elektronik Sekolah. Siri bengkel ini bertujuan meningkatkan kecenderungan kepada STEM kepada pelajar 8 sekolah menengah di negeri Johor. Bengkel ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak Seagate di samping penglibatan beberapa jurutera dan staf teknikal mereka.

Bagi meningkatkan penjenamaan FKE dan membantu UTM mencapai global prominence, pasukan ROBOCON UTM telah terbukti keunggulannya dan menaikkan reputasi FKE dan UTM di persada antarabangsa. Diterajui FKE, program ROBOCON berjaya membentuk graduan holistik yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga kreatif dan inovatif dalam teknologi robotik semasa. Kekuatan pasukan ROBOCON UTM terletak pada sistem amalan pengurusan yang terbaik seperti aktiviti promosi pasukan, bengkel teknikal, sistem mentor-mentee, pertandingan mini robotik, dan pemilihan ahli baharu bagi menggilap pelapis yang benar-benar berpotensi. Sebagai kesimpulan, amalan-amalan terbaik yang berstruktur dan berterusan dengan jalinan akademia-industri yang lestari membolehkan FKE meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini bagi membangun modal insan yang holistik dan berketramplan bagi kesejahteraan negara, disamping membantu meningkatkan branding UTM sebagai sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa.

Anugerah Kualiti

Finalis Anugerah Kualiti Perkhidmatan

FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA DAN KEJURUTERAAN TENAGA



Amalan terbaik "Sustainable Talent Development" telah melonjak FKT ke arah kecemerlangan berterusan Anugerah Kualiti Akademik 2017. Amalan terbaik ini dicapai melalui Strategic Human Resource for Academic & Research Planning (SHARP) yang dibangunkan sebagai sistem pemantauan prestasi staf yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kecemerlangan pelajar. Setiap talent yang dibangunkan mempunyai ketetapan yang dirangka oleh Ketua Jabatan dan Fakulti melalui Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, Intergrated Academic Advisory System (IAAS), University-Industry Exchange (UNIX), Get Chartered Revenue & Financial, Local and International Collaboration dan Staff Promotion. Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) terhadap pelaksanaan projek-projek tersebut melalui pemantauan berterusan bagi mencapai matlamat amalan terbaik ini telah menjadikan FKT terus mencapai kecemerlangan pada setiap tahun.

Pencapaian pelajar dan staf pada tahun 2017 antaranya, 2 Anugerah Diraja, 2 program antarabangsa pelajar berpapak

tinggi, SMOGG and IBCEx, 5 Repsol Scholarship Award, 2 Star Award (International Collaboration dan Global Warming), 11 staf P.Eng dan 10 staf C-Eng, 1 LOA, 12 MoU dan 3 MoA, 1 Asian Invention ITEX, INATEX (1 Best of The Best Award, 1 Special Award, 5 Gold, 5 Silver and 5 Bronze), PENCIPTA (1 Best of the Best, 3 Gold dan 1 Silver), 1 SPEED Mentor Award, 1 Anugerah Akademik Negara (Inovasi dan Perkomersialan Produk).

Kelestarian Kewangan Fakulti oleh inisiatif staf antaranya telah memperoleh USD 100,000 IDB, RM 1 Million dari KPT untuk iCOE Oil and Gas, Geran Permulaan Usahawan RM 500,000, 37.7 % Peningkatan Penjanaan Pendapatan melalui Pengurusan Fasilitas dan USD11,303,000 sumbangan berbentuk perisian oleh Schlumberger. Berteraskan tagline Integrity, Unity, Excellence, Universal Well-Being menjadikan FKT berada pada kelas dan tahap tersendiri dalam amalan terbaik "Sustainable Talent Development".



Anugerah Kualiti

Finalis Anugerah Kualiti Perkhidmatan

PEJABAT BENDAHARI



Kawalan Kredit, Pengurusan Akaun dan Pelaburan serta pelbagai aktiviti kewangan Universiti.

Pejabat Bendahari komited dalam memastikan pengurusan kewangan yang teratur dan berkesan. Pada 2017, Pejabat Bendahari telah berjaya menghadapi Re-certification Audit SIRIM ISO 9001 : 2015 dengan jayanya tanpa sebarang NCR. Peralihan pensijilan dari ISO 9001 : 2008 kepada ISO 9001 : 2015 ini merupakan bukti komitmen berterusan dalam pengekalan kualiti perkhidmatan untuk menepati piawaian dan standard amalan urus tadbir kewangan yang diiktiraf oleh piawaian antarabangsa.

Pengurusan Kewangan yang efisien ini juga membolehkan Pejabat Bendahari memastikan Universiti menerima sijil audit bersih tanpa teguran dari Jabatan Audit Negara. Sijil audit bersih ini memberikan impak yang besar kepada Universiti dan reputasinya dalam menjadi contoh Universiti Awam yang mentadbir urus kewangan dengan baik.

Pengiktirafan Perkhidmatan Kewangan dari pihak luar membolehkan Universiti memenuhi Kriteria Audit Setara dan menyumbang kepada penarafan 6 Bintang. Pencapaian ini merupakan sebahagian daripada hasrat Universiti untuk mencapai sasaran Pelan Global Universiti PGU II 2015-2017.

Tahun 2017 telah mencatatkan satu kejayaan dalam Sistem Pengurusan Kewangan Pejabat Bendahari dengan berjaya memperolehi Sijil Pematuhan 'Standard Accounting for Government Agencies' (SAGA). Pensijilan SAGA daripada Jabatan Akauntan Negara memberikan pengiktirafan berkaitan Sistem Perakaunan dan Kewangan yang digunapakai memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan. Berdasarkan rekod, UTM adalah Universiti RU ke-2 menerima pengiktirafan ini dan dikalangan 59 daripada 416 agensi kerajaan yang telah berjaya dalam pematuhan SAGA.

Pejabat Bendahari berharap setiap peraturan berkaitan kewangan yang telah dikuatkuasakan dipatuhi oleh semua PTJ ke arah tadbir urus kewangan dan aliran tunai yang efisien. Ini adalah bagi memastikan ketelusan dalam setiap perbelanjaan atau aktiviti kewangan yang dilaksanakan.



Anugerah Kualiti

Finalis Anugerah Kualiti Perkhidmatan
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) merupakan pusat utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan geran penyelidikan di Universiti Teknologi Malaysia. Terbahagi kepada 5 (lima) bahagian utama iaitu Bahagian Pengurusan Projek, Bahagian Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat (IT), Bahagian Kewangan dan Sekretariat Research Universiti (RU).

RMC amat komited dalam memberikan perkhidmatan pengurusan geran penyelidikan yang terbaik kepada penyelidik. Dalam mendokong aspirasi universiti sejajar dengan Pelan Global UTM 2020, tugas utama RMC ialah untuk menggerakkan aktiviti penyelidikan di UTM dan bertindak sebagai 'One Stop Center' untuk semua permohonan dan pentadbiran geran penyelidikan. RMC juga terlibat secara langsung dalam menguruskan program penyelidikan dan pembangunan khususnya melalui kerjasama dengan industri, sektor awam, sektor swasta dan institusi penyelidikan sama ada dalam dan luar negara.

Justeru untuk meningkat dan menambahbaik kualiti perkhidmatan pengurusan geran penyelidikan, struktur organisasi Research Manager/ Assistant Research Manager telah diwujudkan. Struktur baru ini berupaya mengurangkan kadar staf yang beroperasi tetapi masih mengekalkan KPI yang sama dalam pengurusan.

Tahun 2017 juga telah meningkatkan keupayaan RMC dalam menjana pendapatan universiti. Inisiatif Double Tax Deduction yang diperkasakan melalui Unit Hubungan Industri dan Promosi telah berjaya menarik banyak pihak industri untuk bekerjasama dengan dan memperuntukkan Sumbangan Tunai Geran Kontrak untuk aktiviti penyelidikan di UTM.

Dari segi pencapaian dalam pengurusan geran penyelidikan pada tahun 2017, sebanyak 668 geran telah berjaya diperolehi dengan amaun sebanyak RM45,193,486.10. Daripada jumlah keseluruhan amaun yang diterima 50.09% merupakan Geran GUP yang diperolehi daripada dana UTM sebagai penaja. Sejumlah 32.53% pula terdiri daripada Geran Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE), 1.34% daripada Geran Kementerian Sains, Teknologi dan Industri (MOSTI) dan selebihnya daripada

Geran Kontrak dan Geran Lain-Lain penaja. Kesenambungan perolehan geran tersebut telah menghasilkan sebanyak 1,163 Principal Investigator (PI) yang mana jumlah tersebut telah diiktiraf dalam data Research University (RU) Tahun 2017.

Penggunaan optimum kemudahan teknologi maklumat menjadi pemangkin kepada keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. RMC sentiasa memberikan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi pelanggan yang disokong kuat oleh Sistem RADIS. RADIS merupakan sistem integrated bersama sistem UTMFin, UTMHR, AIMS, elppt dan juga Sistem Penerbitan di Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ). Beberapa modul tambahan telah ditambahbaik pada tahun 2017. Kesemua modul atas talian tersebut telah meningkatkan kecekapan pengurusan R&D, menjimatkan kos operasi, mengoptimumkan sumber manusia dan masa selari dengan pelestarian kampus. Dengan kejayaan ini, RMC kini mula menjadi sumber rujukan beberapa IPT lain sebagai penanda aras kecekapan pengurusan penyelidikan dan mahu mempelajari kaedah pelaksanaan di institusi masing-masing.

RMC akan terus berusaha untuk menjadi sebuah Pusat Pengurusan Penyelidikan yang cemerlang melalui latihan, khidmat runding cara, meningkatkan mutu pengurusan geran-geran penyelidikan melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan.



Anugerah Pentadbir

Hanifah binti Ahmad



Puan Hanifah binti Ahmad memulakan kariernya di Universiti Teknologi Malaysia sebagai Penolong Pendaftar (Gred N41) secara kontrak di International Business School (dahulu dikenali sebagai International Business Programme) mulai 4 Mac 1997. Beliau kemudian berpindah ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) mulai 15 Jun 1998 apabila ditawarkan jawatan sebagai Penolong Pendaftar (Gred 41) secara tetap. Seterusnya berpindah ke Fakulti Pendidikan mulai 17 Oktober 2005 dan selepas itu berpindah ke Pejabat Pendaftar pada 10 Januari 2011. Kesungguhan serta komitmen yang beliau tunjukkan walau di mana pun ditempatkan, kerjaya beliau terus cemerlang dan kini beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Pendaftar (Gred 52) mulai 12 Jun 2016.

Sumbangan beliau yang sangat signifikan dengan kecemerlangan Universiti adalah melalui penyediaan Human Capital Blueprint. Human Capital Blueprint (HCBP) 2013-2020 berfungsi sebagai garis panduan dalam dasar-dasar, strategi, inisiatif dan langkah-langkah untuk mengurus dan membangunkan modal insan berkualiti tinggi di UTM. Dokumen ini teretus bagi menambahbaik dokumen Human Resource Blueprint 2003 yang dirujuk semasa Audit Kesediaan Autonomi (Kategori Sumber Manusia) pada 14-18 Ogos 2011. Peranan sebagai urusetia utama digalas bagi memastikan dokumen dapat dihasilkan seperti yang dirancang. HCBP terdiri daripada empat komponen iaitu Perancangan Modal Insan (HCP), Modal Insan Management (HCM), Pembangunan Modal Insan (HCD) dan Audit Modal Insan (HCA). Teknologi Maklumat dalam Modal Insan (e-HC) menyokong setiap setiap komponen. HCBP ini boleh digunakan sebagai rujukan oleh Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.

Sepanjang berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia di bawah pelbagai Pusat Tanggungjawab, Puan Hanifah binti Ahmad menunjukkan kecemerlangan dalam pengurusan pentadbiran

terutamanya pengurusan kualiti. Beliau antara fasilitator yang memimpin kejayaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) ketika beliau berada di Fakulti Pendidikan dan juga Pejabat Pendaftar. Antara kejayaan yang dikecapi oleh kumpulan KIK di bawah pimpinan beliau adalah apabila kumpulan eTAP dianugerahkan sebagai kumpulan KIK terbaik di peringkat IPTA pada tahun 2009 dan 2010. eTAP juga memenangi Anugerah Emas 3 Bintang dan 10 Kumpulan Terbaik Sektor Awam di Konvensyen Innovative & Creative Circle (ICC) Peringkat Kebangsaan pada 2010. Seterusnya eTAP mewakili Malaysia ke Konvensyen ICC Peringkat Antarabangsa di Yokohama Jepun pada 11 – 14 September 2011 dan mendapat 'Excellent Award' dalam konvensyen tersebut.

Puan Hanifah juga diberi kepercayaan oleh bukan sahaja PTJ di dalam UTM, malahan IPT dan agensi luar juga turut menjemput beliau untuk memberi ceramah dan perkongsian ilmu mengenai KIK, Amalan Persekitaran Berkualiti 5S dan Manual Prosedur Kerja antaranya di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) (2015), Pejabat Pelajaran Wilayah Persekutuan, Putrajaya (2011), Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) (2008) dan Sekolah Islam Hidayah (2008).

Antara inovasi yang telah dibangunkan oleh beliau bersama rakan-rakan Pejabat Pendaftar adalah pembangunan sistem Electronic Application System for Academic Staff (eASAS) (2013) yang memudahkan pemantauan permohonan jawatan bagi staf akademik kontrak bukan warganegara dan pembangunan modul Inventori Personaliti Staf Sokongan Baru (IPSB)(2014) secara atas talian yang memudahkan proses saringan permohonan jawatan staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP). Kedua-dua inovasi ini telah mendapat perlindungan hakcipta (copyright) UTM melalui Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC).

Anugerah Tokoh Penyelidikan

Prof. Dr. Mohamad Kamal A. Rahim



Professor Dr. Mohamad Kamal A. Rahim adalah seorang Professor bidang kejuruteraan RF Microwave dan Antena di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Tunku Abdul Halim Alor Star Kedah dan kemudian melanjutkan pengajian di Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman Mergong Alor Star Kedah. Selepas SPM beliau melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik di Institut Teknologi MARA (Universiti Teknologi MARA) kemudian menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik & Elektronik di University of Strathclyde UK. Setelah menamatkan pengajian ijazah sarjana muda beliau bekerja sebagai Management Trainee di Sime Tyres Mergong selama setahun kemudian bertugas sebagai Penyelia Pengeluaran di Sime Shoes di Kulim Kedah selama setahun.

Beliau telah berkhidmat dengan UTM dari tahun 1989 sebagai penolong pensyarah dan kemudian melanjutkan pengajian diperingkat Sarjana di University of New South Wales Australia pada tahun 1992. Beliau di lantik sebagai pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Elektrik pada tahun 1993. Pada tahun 1999 beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat PhD di University of Birmingham UK dan telah menamatkan pengajian pada tahun 2003. Bidang kepakaran untuk PhD beliau adalah rekabentuk antenna aktif.

Penglibatan dalam bidang penulisan pula, beliau telah berjaya menerbitkan 350 jurnal dan kertas kerja diperingkat kebangsaan

dan antarabangsa. Berdasarkan pencapaian terkini untuk penerbitan, beliau memperolehi citation sebanyak 1567 dan H-Index bersamaan 18 dari data Scopus Index. Setakat ini seramai 20 orang pelajar Master dan 10 pelajar PhD telah berjaya menamatkan pengajian di bawah bimbingan beliau. Ketika ini beliau sedang menyelia seramai 15 orang pelajar pasca siswazah iaitu 3 pelajar Sarjana dan 12 pelajar PhD. Sepanjang penglibatan beliau dalam penyelidikan, beliau telah mengetuai penyelidikan di bawah pelbagai penaja seperti MOSTI, MOHE, UTM dan Motorola dengan geran melebihi RM 3 juta.

Di antara pencapaian beliau adalah beliau telah berjaya menerima 60 anugerah di peringkat antarabangsa dan kebangsaan seperti di Seoul Invention International Fair (SIIF), The International Exposition of Research and Invention of Institution of Higher Learning (PECIPTA), International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX), Malaysia Technology Expo (MTE), Industrial Art Technology and Exhibition (INATEX) dan Citra Karisma UTM. Pencapaian terbaik untuk anugerah ini apabila produk beliau yang bertajuk Multiband Textile Antenna at ISM Band telah menggondol anugerah Best of the best pada PECIPTA tahun 2013. Pihak TV3 juga telah membuat satu rancangan khas untuk siaran Malaysia Hari Ini berkaitan produk yang telah berjaya mendapat anugerah semasa PECIPTA 2013. Beliau juga telah mempatentkan sebanyak 19 patent filling dan 3 patent telah mendapat patent granted. Kesemua patent adalah berkaitan struktur antenna baru yang telah direbentuk.

Anugerah Inovasi Perkhidmatan

FINALIS

INNO DUST TRAP (IDT)

**UTM PRIMA, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)
UTM Kuala Lumpur**



Kerja-kerja pemotongan kayu merupakan faktor utama dalam menyumbang jumlah habuk yang terhasil di Bengkel Rekabentuk Industri. Secara ringkasnya, kumpulan UTM PRIMA telah mencipta satu inovasi dan penambahbaikan kepada mesin miter saw yang mana mesin ini merupakan mesin yang kerap digunakan bagi pemotongan kayu.

Semasa proses pemotongan,

habuk halus dan kasar terhasil. Hal ini menyebabkan keadaan persekitaran bengkel berhabuk dan bersepah. Hasil daripada inovasi ini, sasaran awal untuk mengurangkan 70% habuk terhasil berjaya dicapai.

Selepas penambahbaikan diterapkan terhadap alat Inno-Dust Trap (IDT), jumlah habuk berselerak berjaya dikurangkan sehingga 90.3%. Keberkesanan sasaran berjaya dicapai telah memberi impak dan faedah kepada staf, pengguna, jabatan dan organisasi, antaranya adalah persekitaran dan kesihatan. Inovasi ini mewujudkan suasana bengkel yang kondusif, selasa dan selamat serta mengurangkan risiko pengguna daripada menghidap penyakit yang disebabkan habuk. Projek ini juga berjaya menjimatkan masa dan kos seterusnya memberi imej dan perseptif yang baik kepada jabatan.



Anugerah Inovasi Perkhidmatan

FINALIS

PENGURUSAN PENGESAHAN GRADUAN SECARA ELEKTRONIK (IMBAS P-GRAD) AMD Ahead, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



Sistem yang dikenali IMBAS P-GRAD ini telah dibangunkan dengan bantuan kepakaran dalaman staf akademik FAB dan pihak CICT. Pada dasarnya, sistem ini dibangunkan bagi tujuan mementusahkan keaslian dan ketulenan sijil

akademik UTM selepas sekitar tahun 2012 negara digemparkan dengan beberapa kes penipuan sijil akademik yang melibat nama beberapa universiti awam tempatan. Oleh itu, sistem ini dibangunkan sebagai usaha jalan penyelesaian isu tersebut. Sistem ini merupakan integrasi pengurusan graduan yang diperolehi daripada sistem AIMS 2000 dan sistem e-konvo serta mengandungi 4 modul bagi memenuhi keperluan pengguna atau agensi berbeza. Sistem ini memudahkan pihak penaja, agensi kerajaan, kedutaan dan majikan untuk membuat

pengesahan status graduan UTM. Dengan menggunakan nombor kad pengenalan atau ISID, pihak berkenaan boleh mendapatkan maklumat lengkap graduan dalam masa yang singkat tanpa perlu berurusan di pejabat pentadbiran akademik UTM.



Anugerah Inovasi Perkhidmatan

FINALIS

SISTEM PENGURUSAN PROJEK (ePROJECT) Fakulti Pendidikan

Penyeliaan projek pelajar sarjana muda dan pasca ijazah merupakan satu proses yang unik melibatkan dua individu iaitu pelajar dan penyelia. Pelajar akan bertemu dengan penyelia secara kerap bagi mendapatkan bimbingan dan bantuan sepanjang menyelesaikan penulisan dan kajian. Jika terdapat ketidakfahaman atau aduan pelajar terhadap penyelia, pengurusan tidak dapat menentukan dengan jelas pihak mana yang silap melainkan terdapat mekanisma pemantauan yang berkesan. Fakulti memerlukan satu sistem pengurusan maklumat kajian penyelidikan yang baik untuk proses pemantauan penyeliaan yang berterusan. Oleh itu, sistem eProject telah dibangunkan bagi memudahkan pengurusan

projek terutamanya yang melibatkan kajian penyelidikan pendidikan dan projek sarjana muda di samping memudahkan pelajar menghantar artikel untuk tujuan penerbitan di fakulti.

la dapat menguruskan dengan baik proses pendaftaran kajian penyelidikan pendidikan 1 dan pelajar dapat membuat pemilihan penyelia kajian, pemarkahan berdasarkan rubrik PO, rekod perbincangan kajian, rekod penghantaran tesis, instrument dan rekod-rekod lain yang diperlukan dalam menguruskan projek kajian pendidikan. Sistem ini berupaya memaparkan statistik berkaitan pengurusan projek yang diperlukan oleh semua pihak dengan cepat.



Anugerah Inovasi Naib Canselor

FINALIS

PENGGOMERSILAN PRODUK PENJAGAAN DIRI BERASASKAN TEKNOLOGI MICELLAR DAN TUMBUHAN TEMPATAN Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga

Permintaan yang amat tinggi dan saiz market yang besar menyebabkan pelbagai jenama produk kosmetik telah membanjiri pasaran Malaysia dan kebanyakannya mengandungi bahan terlarang. Kajian dalam bidang nanoteknologi Micellar telah dijalankan oleh Dr Siti Hamidah sejak tahun 2001 ketika menjalani pengajian Sarjana di UTM seterusnya PhD dalam bidang yang sama di Loughborough University, UK. Ketekunan dan disiplin yang tinggi dalam menjalani penyelidikan telah berjaya menghasilkan beberapa produk prototaip dan memenangi lebih 30 anugerah-anugerah. Dr. Siti juga menulis lebih 60 jurnal-jurnal penyelidikan. Beliau berprinsip bahawa semua hasil kajian dan tulisan-tulisan tersebut perlu diterjemahkan kepada produk yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai, khususnya rakyat Malaysia.

SHE Empire Sdn. Bhd., sebuah syarikat hiliran UTM telah ditubuhkan untuk membangun dan memasarkan produk-produk hasil penyelidikan beliau. Jenama Naturel Kiss kini telah dijual di seluruh negara, termasuk Sabah, Sarawak dan Singapura melalui lebih 100 ejen jualan. Naturel Kiss merupakan satu-satunya jenama kosmetik di dunia yang memartabatkan Roselle dan Cassia Alata (gelenggang) sebagai bahan asas produk kosmetik dan penjagaan diri. Para petani Roselle dan Gelenggang telah mendapat manfaat dengan pertambahan pendapatan disebabkan permintaan yang meningkat terhadap tumbuhan herba tersebut.

Dr Siti telah berjaya memperolehi geran-geran perniagaan daripada beberapa agensi seperti MOSTI, Cradle, Teraju dan Irda. Sokongan daripada pelbagai agensi dan UTM sendiri, telah memberi lonjakan semangat agar beliau melangkah lebih jauh dalam membantu para pengguna seterusnya mengharumkan nama UTM dan negara. Selaras dengan misi untuk menjadi peneraju pengeluar kosmetik selamat, Dr Siti sedang membangunkan sebuah kilang pengeluaran, yang akan dapat membantu pengusaha-pengusaha kosmetik yang lain. Teknologi Micellar nano-hijau yang digunakan menjadikan produk-produk yang dihasilkan jauh lebih berkesan, semulajadi,

bebas toksik dan menjimatkan. Para pengguna telah dapat menggunakan produk yang berkualiti tinggi dengan harga mampu milik. Produk kosmetik dan penjagaan diri merupakan satu keperluan bagi wanita, justeru aktiviti penyelidikan dan pengkomersilan perlu diberi sokongan agar mencapai kejayaan dan dapat menandingi jenama-jenama terkenal antarabangsa.



Anugerah Inovasi Naib Canselor

FINALIS

ROV PLECO – ROBOT PEMBERSIH TANGKI AIR Pusat Kecerdikan Buatan dan Robotik (CAIRO)



Robot ROV Pleco (Unit Komersial)

ROV Pleco merupakan sebuah robot komersial yang telah dicipta oleh kumpulan penyelidik UTM dari FKE, UTM untuk kegunaan pembersihan tangki air. Dalam proses pembersihan tangki air, ROV Pleco dapat dikendalikan dari jarak jauh tanpa perlu mengeluarkan simpanan tangki air seperti pembersihan manual atau pembersihan menggunakan penyelam profesional. ROV Pleco dibina sesuai untuk hampir keseluruhan tangki air, mempunyai kamera untuk maklumbalas visual dan memenuhi keperluan bagi tangki air yang lain seperti kolam renang.

Sebagai impak kepada masyarakat, inovasi ROV Pleco membolehkan pembersihan tangki air dilaksanakan secara optimum sekaligus dapat membekalkan kualiti air yang bersih kepada pengguna. Sekiranya kualiti air bersih, kos pemasangan penapis air di luar rumah (external water filter) dan di dalam rumah (internal water filter) dapat dikurangkan dan penyakit-penyakit berpunca dari air yang tidak bersih dapat dielakkan. Gangguan bekalan air juga dapat dikurangkan kerana cara pembersihan menggunakan robot ini tidak memerlukan proses penyekatan sementara air kepada pengguna seperti yang

digunakan dalam cara pembersihan konvensional. Kaedah pencucian menggunakan robot ROV ini juga dapat mengurangkan risiko berlakunya kes paip air pecah.

Projek ROV Pleco telah memperoleh geran sepadan sebanyak RM720,000 daripada Platcom Ventures di bawah Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan teknologi ini telah dilesenkan (1 paten, 2 copyright dan 1 industrial design) kepada Dynetic Control Sdn Bhd pada tahun 2017. Produk ini disasarkan untuk pengkomersilan pada pertengahan tahun 2018 dan sesi pembentangan bersama Ranhill SAJ sudah dibuat untuk tujuan tersebut. Produk ini juga mendapat beberapa pengiktirafan anugerah diantaranya adalah Pingat Emas dan Anugerah Pilihan Juri di 16th Industrial Art and Technology Exhibition, Pingat Gangsa di International Conference and Exposition on Inventions by Institution of Higher Learning (PECIPTA 2015), Pingat Perak dan Anugerah Tapak Pameran Terbaik di Malaysia Nuclear Innovation Day 2017, dan Penghargaan bagi Penyertaan di Malaysia Commercialization Year 2017. Produk ini juga tercalon sebagai penerima anugerah Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) bagi tahun 2017 dalam kategori Paten.



Sesi pembentangan bersama Water Academy dan Unit Rangkaian Ranhill SAJ

Anugerah Inovasi Naib Canselor

FINALIS

MODEL PEMBANGUNAN NEGERI SECARA BERSEPADU – INSTITUT INOVASI STRATEGIK JOHOR Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



Menteri Besar Johor menandatangani plak sebagai gimik pelancaran symposium dan perasmian Institut Inovasi Strategik Johor

Model Pembangunan Negeri Secara Bersepadu (IMSD) merupakan Inisiatif mensinergikan universiti, industri, Kerajaan dan komuniti untuk mempertingkatkan pembangunan ekonomi dan sosial negeri. Berkonsepkan model quadruple helix, kepakaran, sumber, pembiaya dan penerima manfaat digerakkan bersama bagi pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan negeri.

Model telah diinstitusikan dan dikenali sebagai Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Menteri Besar Johor di letakkan di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor (UPENJ). Pejabat ini telah menjadi penggerak dan penjaga terhadap pelaksanaan model ini dengan penglibatan Universiti dan IPT di seluruh negeri. Bergerak atas dasar memasyarakatkan universiti, pelaksanaan program telah diselaraskan dengan dasar dan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang digarap daripada Pelan Suara Hati Johor supaya objektif model ini seiring dengan pelan pembangunan setempat.

Pengenalpastian isu dan masalah yang perlu diselesaikan adalah melalui sesi business matching bersama pihak berkepentingan dan penyelidik. Manakala pembangunan baharu adalah berasaskan pemetaan terhadap Pelan (PPSJ) melalui pendekatan Low Hanging Fruits. Penyelesaian masalah ini adalah berasaskan 4 pendekatan kreatif dan sistematik iaitu kos yang rendah, impak tinggi, pelaksanaan yang pantas dan kelestarian.

Pembiayaan projek diselesaikan secara bersama daripada pelbagai sumber iaitu Kerajaan Negeri, Agensi, PBT maupun sumbangan daripada industri. Sebagai tanda komitmen UTM telah menyediakan seed fund daripada Geran Universiti Penyelidikan berjumlah RM1.5 juta untuk inisiatif ini. Hasilnya Kerajaan Negeri turut memperuntukan serjumlah RM420 ribu pada 2017 dan RM300 ribu pada 2018 disamping sumbangan daripada beberapa industri, PBT, IPT melalui Corporate Social Responsibility mereka.

Kesimpulannya model ini telah memberi impak besar dalam memanfaatkan kepakaran penyelidik tempatan dalam penghasilan inovasi tempatan. Pada masa yang sama penyelidik dapat memanfaatkan kajian ini untuk penghasilan kerja ilmiah mereka. Model ini memberi peluang industri menyumbang melalui membiayai inovasi yang dicerna daripada model ini untuk kesejahteraan penduduk. Ianya turut memberi pendedahan kepada penyelidik muda berhadapan dengan situasi dan isu masyarakat dan bagaimana menggerakkan pasukan penyelidik mencari jalan penyelesaian.

Johor bakal menjadi Lembah Silikon ASEAN

meningkatkan kualiti sumber, daya manusia, infra dan pemilikan intelektual tempatan. Ia telah dibenarkan oleh ahli berkepentingan, industri dan kerajaan." Kerajaan berhasrat memajukan pembangunan ekonomi tempatan melalui Agensi Inovasi, Institut dan Program Inovasi di Universiti dan Kerajaan Negeri Johor. Hal ini selaras dengan "Strategi Malaya UTM" di mana, Suria Suria.

Kesimpulan

Model pembangunan Negeri Secara Bersepadu (IMSD) merupakan inisiatif mensinergikan universiti, industri, Kerajaan dan komuniti untuk mempertingkatkan pembangunan ekonomi dan sosial negeri. Berkonsepkan model quadruple helix, kepakaran, sumber, pembiaya dan penerima manfaat digerakkan bersama bagi pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan negeri.

Model telah diinstitusikan dan dikenali sebagai Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Menteri Besar Johor di letakkan di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor (UPENJ). Pejabat ini telah menjadi penggerak dan penjaga terhadap pelaksanaan model ini dengan penglibatan Universiti dan IPT di seluruh negeri. Bergerak atas dasar memasyarakatkan universiti, pelaksanaan program telah diselaraskan dengan dasar dan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang digarap daripada Pelan Suara Hati Johor supaya objektif model ini seiring dengan pelan pembangunan setempat.

Pengenalpastian isu dan masalah yang perlu diselesaikan adalah melalui sesi business matching bersama pihak berkepentingan dan penyelidik. Manakala pembangunan baharu adalah berasaskan pemetaan terhadap Pelan (PPSJ) melalui pendekatan Low Hanging Fruits. Penyelesaian masalah ini adalah berasaskan 4 pendekatan kreatif dan sistematik iaitu kos yang rendah, impak tinggi, pelaksanaan yang pantas dan kelestarian.

KEUNGGULAN TERBILANG

Bersama Kita Menjulung
Keunggulan Terbilang
Ke Mercu Jaya Kita Usaha
UTM Puncak Letaknya

Martabat Keilmuan
Cendiakawan Beriman
Cekal Bersama Takwa
Menara Cita-cita

Kami Anak Kandung
UTM Rimbun Bernaung
Usaha Kami Bukti Cintamu
Dikau Persada Ilmu
Keazaman Perjuangan
Taqwa dan Iman

Ke Arah Kecemerlangan
Pengajaran Penyelidikan
Penulisan Perundingan
Perkhidmatan Kepada Watan

Disini Kami Berdiri
Setia pada Janji
Bermaruah Berbudi Bahasa
UTM Sanjungan Bangsa
UTM Sanjungan Bangsa

NEGARAKU

Negaraku
Tanah Tumpahnya Darahku
Rakyat Hidup
Bersatu dan Maju

Rahmat Bahgia
Tuhan Kurniakan
Raja Kita
Selamat Bertahta


Rahmat Bahgia
Tuhan Kurniakan
Raja Kita
Selamat Bertahta

Setulus Penghargaan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan segala sukacitanya merakamkan
setinggi-tinggi penghargaan kepada semua
pihak yang terlibat dalam menjayakan

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN &
PENGHARGAAN UTM 2018

Terima Kasih



Citra Karisma

Majlis Anugerah Kecemerlangan & Penghargaan UTM 2018

Urusetia Percetakan : Pejabat Pendaftar, Bahagian Pengurusan Organisasi
Reka Bentuk Oleh : Unit Media Kreatif, Pejabat Hal Ehwal Korporat, UTM Johor Bahru